



PERBADANAN

PUTRAJAYA

BERSEKUTUAN

LABUAN

CORPORATE

COM

WILAYAH  
MALAYSIA

# KEMPEN KIBAR BENDERA



15 JANUARI - 28 FEBRUARI 2022

# Wilayah Ku

• BIL 151 • 21 - 27 JANUARI 2022 • PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

[wilayahku.com.my](http://wilayahku.com.my) [Wilayahku](#) [@akhbarwilayahku](#) [Wilayahku](#) [WKTV](#)

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)



## INFO


**Kuning:** Kedudukan yang dihormati, dimuliakan dan kedaulatan.

**Biru:** Perpaduan, keikhlasan, dimuliakan dan kedaulatan.

**Merah:** Semangat waja, kekuatan, keberanian dan bertenaga.

**Jata Negara:** (Lambang harimau berjuang) melambangkan Wilayah Persekutuan.

**Tiga (3) Bintang:** Di bawah Jata Negara membawa maksud 3 Wilayah Persekutuan terpenting iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang bernaung dan mendokong Wilayah Persekutuan.



Tamatkan derita penduduk PPR Seri Anggerik

# KWP cadang bina parkir bertingkat

AZLAN ZAMBRY

**K**EMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) akan mengkaji cadangan membina tempat letak kereta bertingkat di tanah kosong bersebelahan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Anggerik di Jalan Klang Lama yang selama ini berhadapan dengan masalah tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, perkara itu diusahakan bagi menangani kekurangan tempat letak kereta dalam kalangan penduduk di kawasan itu.

"Kami sedang mengkaji pembinaan dua atau tiga tingkat kompleks tempat letak kereta untuk menempatkan lebih banyak kenderaan."

"Perincian bilangan petak dan tarikh siap akan dimaklumkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)," katanya.

Beliau ditemui selepas melawat projek perumahan itu untuk meninjau lot bersebelahan yang turut dihadiri Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah pada Selasa.



SHAHIDAN (tengah) bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah meninjau keadaan tanah milik DBKL berhampiran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Anggerik dekat Jalan Klang Lama pada Selasa.

Lot tanah milik DBKL itu digunakan sebagai kawasan parkir oleh penduduk disebabkan ruang di dalam kawasan PPR tidak mencukupi dan mereka terpaksa menindih kenderaan satu sama lain termasuklah membina beberapa lot kedi untuk menjalankan perniagaan.

Menurut Shahidan, pihaknya sedang bekerjasama dengan DBKL untuk membina surau di kawasan sama dan tapak yang telah dikenal pasti.

"Kita akan membincangkan perkara ini dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Wilayah



SHAHIDAN (tengah) meneliti pelan pembangunan di atas tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berhampiran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Anggerik dekat Jalan Klang Lama pada Selasa.

Persekutuan (MAIWP).

"Kami akan mencari kaedah bagaimana untuk mengumpul dana untuk projek ini," katanya sambil menambah bahawa perkara itu akan diberi keutamaan.

Shahidan berkata, pihaknya juga akan menyediakan kira-kira 10 tapak perniagaan yang dikhaskan

kepada golongan muda di atas tapak tersebut.

"Kita bagi 10 tempat untuk orang muda berniaga. Kehadiran orang muda sudah pasti membuatkan suasana lebih dinamik serta menguntungkan dan sudah pasti ekonomi kita makin bertambah rancak," katanya. WK

## 80 penduduk Flat Taman Rajawali bakal terima rumah baharu

SERAMAI 80 keluarga yang mendiami Flat Taman Rajawali, Cheras, di sini, bakal memiliki kediaman baharu selepas premis mereka terabit dengan program pembangunan semula di bawah program *Urban Renewal* yang merupakan inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, pembinaan projek tersebut tidak akan menjelaskan penghuni sedia ada kerana sebidang tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dikenal pasti untuk pembangunan rumah.

"Kita akan bangunkan dahulu di tanah milik DBKL berukuran lebih satu ekar yang berdekatan dengan kawasan ini, kemudian penduduk akan di beri milik rumah baharu berdasarkan perjanjian yang dipersetujui di dalam bentuk *key to key*.

"Mereka akan dapat gantian rumah baharu selepas itu, dan tapak perumahan ini akan dibangunkan sebagai kawasan lapang selepas pembangunan siap," katanya ketika ditemui pemberita selepas sesi turun padang di Flat Taman Rajawali pada Selasa.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Ismaili Sakirin.

Shahidan berkata, pihak DBKL akan membangunkan tempat ini sebagai kawasan lapang bagi membolehkan kelebihan warga di sini tidak terganggu.

"Kadangkala, apabila pembangunan dilaksanakan, warga bersebelahan akan mengalami masalah kerana kadangkala



SHAHIDAN (tengah) menyerahkan hamper kepada seorang penduduk Flat Taman Rajawali sempena sambutan Tahun Baru Cina dalam lawatannya pada Selasa.

pembangunan itu tidak teratur termasuklah pengambil alihan kawasan lapang.

"Bila pembangunan berlaku, kesesuaian rakyat tidak boleh terjejas dan kita akan beri perhatian terhadap perkara itu dan kerja-kerja mengekalkan kawasan lapang telah dimulakan," katanya.

Pada masa sama, katanya, terdapat kawasan lapang seluas 0.4 hektar milik DBKL berdekatan premis tersebut yang berpotensi dijadikan sebagai tempat rekreasi apabila proses pembangunan semula di kawasan tersebut siap sepenuhnya.

"Projek pembangunan semula rumah flat ini akan memberikan imej baharu kepada kawasan sekitar sekali

gus memberi peluang kepada penduduk untuk menikmati kediaman yang lebih selesa dan terancang lengkap dengan pelbagai kemudahan infrastruktur," katanya.

Beliau turut memberikan jaminan untuk campur tangan sekiranya perjanjian itu hanya akan memberikan keuntungan kepada pihak pemaju dan mengabaikan keselesaan penduduk yang terlibat dalam projek tersebut.

Flat empat tingkat berkeluasan 550 kaki persegi dengan dua bilik tidur itu akan dibangunkan oleh Desa Aman Hill Residence Sdn Bhd itu dijadualkan bermula Mac ini dan dijangka siap menjelang awal tahun 2023 dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM256 juta. WK

## Status pewartaan kolam tadahan minggu hadapan - Shahidan

MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim akan mengumumkan butiran terperinci mengenai rancangan mewartakan kolam tadahan pada minggu hadapan.

Jelasnya, beliau tidak dapat memberikan jawapan tersebut memandangkan perkara itu tertakluk kepada proses undang-undang.

"Kita tidak boleh beri jawapan sekarang kerana kita sudah buat, Datuk Bandar Kuala Lumpur sudah panggil tender untuk buat ukuran.

"Saya akan umumkan bila sampai masanya. Dalam seminggu lagi, saya sudah ada fakta-fakta untuk dijawab," katanya kepada pemberita pada Selasa.

Katanya, beliau tiada masalah sekiranya orang ramai mahu membuat sebarang polemik mengenai perkara itu.

"Kerja sedang dijalankan. Jika orang mahu membuat spekulasi di platform media sosial, biarlah," katanya.

Terdahulu, Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh mendakwa enam kolam tadahan telah ditukar guna syarat tanah bagi tujuan pembangunan antara Oktober 2015 dan September 2020.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Bakri, pada 8 Januari lalu, mengarahkan DBKL melantik juruukur untuk mengukur saiz tanah sebenar yang dikhaskan untuk pembangunan itu selepas meninjau kolam takungan banjir Sungai Jinjang.

Shahidan sebelum ini turut dilaporkan akan memberikan jaminan untuk mempertahankan dan memastikan kolam tadahan di Kuala Lumpur akan dipelihara daripada sebarang projek komersial dan memastikan tiada sebarang usaha untuk menukar status untuk pelaksanaan projek pembangunan, yang bertentangan dengan matlamat sebenar keperluan kolam terbabit. WK

Kebakaran PA Setapak Jaya 1A

# Tidak kompromi jika ada unsur khianat

AZLAN ZAMBRY

**K**ERAJAAN tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang terbukti melakukan khianat sehingga menyebabkan kerugian, kerosakan harta benda dan kesusahan kepada orang awam terutama mangsa kebakaran di Perumahan Awam (PA) Setapak Jaya 1A.

Tegas Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias**, pihaknya telah meminta pihak berkuasa untuk menyediakan laporan lengkap bagi mengetahui punca kejadian sebelum tindakan susulan diambil.

"Kalau didapati, terdapat unsur khianat melalui laporan bomba dan polis, maka saya minta pihak berkuasa termasuk polis dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan yang sewajarnya kepada pelaku."

"Kita tidak tahu lagi dan ini adalah 'hearsay' atau laporan perbualan masyarakat, perkara sebenar kita tidak tahu, kita serahkan kepada pihak polis dan laporan bomba mengenai punca kejadian ini," katanya kepada

Wilayahku selepas menyampaikan sumbangan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) kepada dua buah keluarga yang terlibat di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) PA Setapak Jaya 1A pada Isnin.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Ismadi Sakirin dan Pengurus Pembangunan Komuniti YWP, Kamaruzaman Mustapha.

Katanya, walaupun insiden kebakaran itu telah menyebabkan tiga buah rumah musnah, namun tiada kecederaan dan kemalangan jiwa yang berlaku.

"Dalam insiden di sini, dua buah rumah telah rosak hambar 100 peratus manakala sebuah rumah lagi hanya mengalami kerrosakan 30 peratus sahaja."

"Alhamdulillah, tidak berlaku kehilangan jiwa (dalam insiden ini). Tetapi ini satu perkara yang tidak boleh dikompromi dan perkara yang tidak boleh ditolak ansur," katanya.

Dalam satu kejadian, seorang lelaki disyaki kurang siuman bertindak membakar rumahnya akibat perselisihan faham sehing-



JALALUDDIN (kiri) mendengar keluhan dua buah keluarga mangsa kebakaran di Perumahan Awam (PA) Setapak Jaya 1A di sini pada Isnin.

ga mengakibatkan dua lagi unit musnah dalam kebakaran pada petang Ahad.

Menurut Jalaluddin, ketika ini, kedua-dua buah keluarga ini masih berada di pusat pemindahan sementara (PPS) dan akan

menduduki rumah transit dalam tempoh tertentu dan kebiasaan mereka tiga hingga empat bulan merupakan tempoh yang sesuai dan memadai untuk mereka mendiami rumah transit ini sementara kediaman mereka yang terbakar diperbaiki semula.

"Tetapi itu adalah bergantung kepada keadaan dan suasana pada ketika itu, yang penting bagi kementerian, dua keluarga ini mendapat tempat tinggal yang selesa dan munasabah bagi mereka untuk meneruskan kehidupan selepas bencana ini berlaku," katanya.

Jelasnya, pihak DBKL dan YWP turut menghulurkan wang tunai sebagai bantuan awal dan kemungkinan ada lagi beberapa agensi yang akan memberikan bantuan bagi mengurangkan bebanan yang ditanggung.

"Saya akan berbincang dengan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MPPWPKL) Parlimen Setiawangsa dan UMNO Bahagian Setiawangsa ini untuk membantu dua keluarga ini membaiki semula kediaman mereka secepat mungkin," katanya. WK

## Portal *bantuanbanjir.com* mudahkan mangsa banjir dapat maklumat

**KEMENTERIAN** Kewangan mewujudkan portal *bantuanbanjir.com* yang menghimpunkan pelbagai pautan di bawah satu laman sesawang bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat berkaitan bantuan banjir.

Menterinya, **Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz**, berkata senarai penuh bantuan kerajaan seperti Bantuan Wang Ihsan (BWI) dan bantuan lain bagi membaiki rumah serta baucar membaiki kenderaan tersedia di bawah portal berkenaan.

Beliau berkata, secara keseluruhan, sejumlah RM1.4 bilion sudah diperuntukkan bagi mangsa banjir di negara ini, dengan bantuan boleh mencecah RM61,000 bagi mangsa banjir yang terabit.

"Ketika saya menyertai pelbagai program bantuan banjir, ramai mangsa yang berterima kasih kepada kerajaan di atas bantuan disalurkan, tetapi satu perkara yang sering ditanya, bagaimana untuk mendapatkan maklumat bagi memohon bantuan."

"Memang betul dengan pelbagai agensi terbabit dalam penyaluran bantuan, mesti ramai yang hendak tahu bagaimana cara mendapatkan bantuan itu," katanya dalam video berdurasi 1.52 saat mengenai *bantuanbanjir.com*.

Tengku Zafrul berkata, portal berkenaan dilengkapi langkah memanfaatkan bantuan yang disediakan agensi penyelaras bantuan.

Sementara itu, Bernama melaporkan



SECARA keseluruhan, sejumlah RM1.4 bilion telah diperuntukkan bagi mangsa banjir di negara ini dengan bantuan boleh mencecah RM61,000 bagi mangsa banjir yang terabit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) **Datuk Seri Mustapa Mohamed** berkata laporan Penilaian impak disebabkan banjir yang berlaku di 50 daerah di Malaysia pada bulan lalu menganggarkan kerugian yang dialami adalah antara RM5.3 bilion hingga RM6.5 bilion.

Menurut beliau, dapatan awal Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), daripada jumlah itu, kerugian membelitkan asset awam dan infrastruktur seperti jalan raya dan jambatan adalah yang tertinggi iaitu RM2 bilion.

Kerugian lain meliputi kererosakan tempat kediaman antara RM1.2 bilion hingga RM1.4 bilion; kenderaan RM1 bilion hingga RM1.3 bilion; pembuatan (RM800 juta hingga RM1 bilion); premis perniagaan (RM500 juta hingga RM600 juta); dan pertanian (RM40.9 juta hingga RM49.9 juta).

"Ini anggaran, saya minta DOSM untuk memurnikan angka-angka ini. Ini adalah tugas perangkaan iaitu buat anggaran, maka dari segi bantuan kami cuba sesuaikan dengan jumlah kehilangan," katanya. WK

## Mangsa kebakaran terima bantuan rumah transit - DBKL

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyediakan rumah transit yang dilengkapi dengan bekalan air dan elektrik kepada dua keluarga yang terlibat dalam kebakaran di perumahan awam di Setapak Jaya Ahad lalu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata buat masa ini kesemua mangsa ditempatkan secara sementara di Dewan Persatuan Penduduk Setapak Jaya 1A.

"Saya telah hadir ke lokasi kebakaran dan berjumpa dengan mangsa yang terlibat. Rumah transit itu akan disediakan di lokasi yang berhampiran dengan kediaman sedia ada bagi memudahkan keluarga yang terlibat untuk hadir ke tempat kerja dan ke sekolah."

"Selain itu, DBKL juga memberikan sumbangan RM500 kepada setiap keluarga yang terlibat," katanya.

Menurut Mahadi insiden yang menimpa dua keluarga berkenaan juga telah dilaporkan kepada Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

"Beliau (Shahidan) meminta DBKL untuk mengambil tindakan segera terhadap insiden ini dan memberikan bantuan yang diperlukan," katanya. WK



MAHADI

Bantahan penduduk, peniaga di Sri Hartamas

# Pembinaan kios ditangguhkan

AZLAN ZAMBRY

**K**ERJA-KERJA pembinaan kios penjaja di Desa Sri Hartamas akan dihentikan sementara akibat beberapa bantahan yang dikemukakan wakil penduduk dan persatuan perniagaan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, arahan pemberhentian sementara itu dibuat bagi membolehkan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuat penilaian semula mengenai pembinaan kios di kawasan ini.

"Berdasarkan kepada isu terbaharu serta bantahan yang dikemukakan oleh masyarakat setempat, saya akan lihat dan bincang semula dengan pegawai DBKL dan oleh kerana ia telah diputuskan, saya akan bawa semula ke dalam mesyuarat jawatankuasa untuk kita lihat mengenai kewajaran untuk meneruskan projek ini atau ia dihentikan," katanya kepada *Wilayahku* selepas melawat tapak pembinaan di Sri Hartamas baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pengurusan Projek DBKL, Noorzaini dan Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, Mohd Muzammer Jamaluddin dan Setiausaha Politik Ahli Parlimen Segambut, Nor Miswary Ramli.

Menurut Jalaluddin, masalah kesesakan lalu lintas dan lokasi pembinaan di



JALALUDDIN (tengah) ketika tinjauan di Desa Sri Hartamas baru-baru ini.

atas kawasan hijau merupakan alasan bantahan yang dikemukakan oleh persatuan penduduk.

"Oleh kerana lokasinya terletak di kawasan hijau yang berbaki lagi di kawasan ini dan kawasan ini kekurangan kawasan parkir maka kita akan kaji dan meneliti semua aspek sama ada projek ini wajar diteruskan atau dihentikan.

"Mesyuarat mengenai perkara ini

akan diselegarkan dan buat masa ini, saya telah minta pihak DBKL terutamanya Bahagian Pengurusan Projek untuk menghentikan dahulu pembinaan kios ini.

"Saya akan memanggil pegawai DBKL segera untuk kita lihat oleh kerana Menteri Wilayah Persekutuan masih lagi bercuti, jadi saya akan selesaikan dalam masa terdekat," katanya. **WK**

## "Rakyat Malaysia prihatin, itu kekuatan kita"

PELAKON popular **Datuk Rosyam Nor** bukan sahaja dikenali dalam kalangan masyarakat Melayu malah pelbagai kaum lain.

Baru-baru ini, usaha untuk membantu membersihkan kedieman mangsa banjir dipermudahkan apabila seorang pengusaha alat pancutan air (*water jet*) berbangsa Cina tiba-tiba memberikan peralatan itu secara percuma.

"Selepas muncul melalui filem India, Kabali bersama Superstar Rajinikanth, nama saya mula dikenali dalam kalangan peminat India. Apabila diberi kesempatan membinati filem Hong Kong, saya dapat masyarakat Cina pula mula mengenali saya.

"Terbaru, seorang pengusaha 'water jet' bertanyakan sama ada saya pelakon yang membinati G Storm bersama Louis Koo. Pertanyaan itu bertitik tolak kerana dia mengakui per-

nah membaca berita mengenai filem itu yang menampilkan saya sebagai satu-satunya pelakon dari Malaysia.

"Mula mula saya datang nak membeli (*water jet*), tapi selepas dia menyedari sayalah yang membintangi filem itu di samping Louis, pengusaha terbabit turus memberikan 19 alat pancutan air percuma," katanya.

Berkongsi lanjut mengenai misi bantuan banjir yang dijayakan baru-baru ini, Rosyam berkata, dia menggerakkan ahli pasukan kira-kira 40 orang untuk melakukan kerja pembersihan di kedieman mangsa.

"Dulu apabila berlaku banjir di Pantai Timur, Kelantan misalnya saya tak sempat pergi ke sana. Jadi apabila muncul bah di Kuala Lumpur dan

Selangor, saya cuba bantu. Dapat bantu serba sedikit pun saya rasa gembira.

"Sungguh menyayat hati terutama bila melihat lokasi bencana di Hulu Langat. Saya dapat ketika pasca banjir, ada kedieman yang bercampur air kumbahan dan longkang.

"Rumah mak cik yang kami kerap gunakan untuk lokasi penggambaran drama dan telefilem juga hanyut kerana banjir. Mak cik itu akur, Allah sudah ambil segala galanya. Betapa mak cik itu reda," katanya.

Bagi Rosyam, betapa pentingnya untuk masyarakat saling membantu di saat genting, dan dia yakin itulah semangat dan kekuatan yang mampu rakyat negara ini hulurkan tanpa memilih siapa

pun.

"Semua rakyat Malaysia prihatin dengan bencana, itu kekuatan kita. Jika negara luar mempunyai masalah pun rakyat negara ini turut membantu misalnya untuk Palestin dan Syria."

"Namun, saya berharap rakyat negara ini terus fikirkan jalan terbaik untuk membantu dan menyumbang dari segi peralatan kerana ada mangsa banjir yang mengalami kemusnahan mutlak (*total lost*)," katanya.

Rosyam dalam pada itu berkata ada misi membantu mangsa banjir di Taman Sri Muda dan Bukit Canggang dijayakannya turut disertai rakan artis seperti Datin Seri Nina Juren, Datuk Fizz Fairuz dan Betty Banafe.

Turut sama meringankan beban ialah St Rosyam Mart dan pertubuhan *Ikhlas.com*.

**WK**



ROSYAM

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
[azlanaziz@yayasanwp.org.my](mailto:azlanaziz@yayasanwp.org.my)

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
[helme.hanafi@gmail.com](mailto:helme.hanafi@gmail.com)

#### PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri  
[winwilayahku@gmail.com](mailto:winwilayahku@gmail.com)

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry  
[azlanwilayahku@gmail.com](mailto:azlanwilayahku@gmail.com)  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
[ainiwilayahku@gmail.com](mailto:ainiwilayahku@gmail.com)

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
[khairulwilayahku@gmail.com](mailto:khairulwilayahku@gmail.com)  
Deel Anjer  
[deelanjer@gmail.com](mailto:deelanjer@gmail.com)

#### SABRINA SABRE

[sabrinawilayahku@gmail.com](mailto:sabrinawilayahku@gmail.com)  
Hazirah Halim  
[hazirahwilayahku@gmail.com](mailto:hazirahwilayahku@gmail.com)

Diana Amir  
[dianawilayahku@gmail.com](mailto:dianawilayahku@gmail.com)

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
[lemandecaprio@gmail.com](mailto:lemandecaprio@gmail.com)  
Mohd Affandy Annur  
[affandywilayahku@gmail.com](mailto:affandywilayahku@gmail.com)

#### FAUZI TAIB

[adhamfaizi05@gmail.com](mailto:adhamfaizi05@gmail.com)

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan  
[aminwkvt@gmail.com](mailto:aminwkvt@gmail.com)  
Nooreeza Hashim  
[nooreezahashimwilayahku@gmail.com](mailto:nooreezahashimwilayahku@gmail.com)  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
[syuqqreewilayahku@gmail.com](mailto:syuqqreewilayahku@gmail.com)

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
[fatihah@yayasanwp.org.my](mailto:fatihah@yayasanwp.org.my)  
Nurul Hazwani Haslan  
[nhmm8686@gmail.com](mailto:nhmm8686@gmail.com)

#### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
[roslee@yayasanwp.org.my](mailto:roslee@yayasanwp.org.my)

CERITA KEDAI KOPI

### Ingat baharui lesen IWBB

**PERBAHARUI** lesen anda! Ini ingatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada para peniaga di bawah Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB). Jangan bernesaha tanpa lesen sah.

Ramai peniaga sudah maklum IWBB yang tamat pada hujung Disember 2021 disambung sehingga Jun 2022. Ini memberi peluang kepada peniaga yang menyertai inisiatif ini sejak diperkenal pada April 2020 meneruskan perniagaan, atau peniaga baharu berpeluang menyertainya.

Namun bagi peniaga lama, lesen mesti diperbaharui. Peniaga baharu pula perlu memohon lesen. Lesen penting untuk membolehkan DBKL mengawasi dan memantau mereka yang bernesaha di bawah IWBB.

Dengan cara itu DBKL boleh mengumpul data setiap peniaga untuk rujukan bagi memudahkan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan pada masa hadapan berhubung dengan IWBB.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi ingin mengingatkan semua peniaga IWBB agar mematuhi peraturan ditetapkan, terutama pemohon lesen. Pihak DBKL telah memaklumkan dalam tempoh IWBB ini tiada bayaran lesen dikenakan.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan DBKL telah memberi peluang warga Wilayah Persekutuan khususnya untuk mencebur bidang perniagaan dengan kaedah mudah. Oleh itu, janganlah sampai untuk memperbaharui lesen pun peniaga malas, apabila lagi ia boleh dilakukan secara online.

IWBB yang matlamat asal membantu mereka yang terjejas akibat tempas pandemik COVID-19 sehingga hilang pekerjaan dan sumber rezeki, kini sudah meluas dengan penyertaan orang ramai, selain kios perniagaan yang disediakan oleh KWP.

Kios ini melebarkan lagi peluang bernesaha, terutama untuk anak muda. Mereka yang belum bekerja setelah habis pengajian di menara gading juga turut diberi peluang bernesaha sehingga mendapat pekerjaan sesuai.

Yang jelas, IWBB terbuksi boleh menjadi sumber pendapatan yang baik. Oleh itu, peliharalah kemudahan dan peluang yang diberi oleh kerajaan. Jadilah peniaga yang baik, beroperasi dengan mematuhi segala syarat ditetapkan.

### Patuh, bukan abai SOP

KITA masih dibelenggu dengan pandemik COVID-19 walau pun sudah semakin menghampiri era endemik. COVID-19 masih berlebar di sekeliling, dengan varian baru seperti Omicron menambah kebimbangan.

Kerana situasi itu juga kerajaan masih menguatkuasa prosedur operasi standard (SOP), khususnya memakai pelitup muka dan penjarakan fizikal. Sementara kini kelonggaran diberi daripada segi pergerakan orang ramai, termasuk rentas negeri, berkumpul atau *dine-in*, hakikatnya orang ramai masih perlu sentiasa berjaga-jaga.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi kesal kerana melihat ramai di kalangan kita yang memandang remeh SOP. Ini lebih jelas dalam perhimpunan ramai seperti majlis kenduri kahwin atau majlis keraian lain.

Apabila sudah berkumpul ramai, mereka alpa dengan SOP, malah sengaja mengabaikannya. Paling ketara penjarakan fizikal tidak dipeduli. Mereka berkumpul rapat. Jangankan satu meter, suku meter pun tidak ada jaraknya. Malah ada kala pelitup muka tidak dipakai.

Kedegilan seperti inilah yang boleh membawa padah. Ada yang memberi alasan sudah menerima dos suntikan lengkap COVID-19 dan sudah dapat dos penggalak. Kerana itu tidak perlu terlalu akur kepada SOP.

Suntikan vaksin adalah sebagai perlindungan dan usaha ikhtiar menghindar jangkitan COVID-19. Bukan bermakna dengan suntikan langsung tiada kemungkinan penerima vaksin tidak akan dijangkiti COVID-19.

Risiko dijangkiti tetap ada. Namun biasanya ia hanya pada peringkat *mild*, iaitu pada tahap 1 atau 2, tidak sampai ke tahap serius antara 3 hingga 5. Tentunya penerima vaksin lebih terlindung daripada yang langsung tidak divaksin.

Namun sentiasalah berwaspada. Menerima suntikan adalah langkah terbaik. Tetapi keadaan akan lebih baik sekiranya pada masa sama mematuhi SOP yang ditetapkan. Anggap SOP itu sebagai perlindungan penting selain suntikan vaksin.

Tanam kesedaran dalam diri untuk mematuhi SOP sebagai keperluan yang datang dari hati kecil sendiri. Kesedaran ini akan mendorong untuk terus mematuhiinya. Itulah yang sebaik-baiknya, bukan kerana takut tindakan atau denda pihak berkuasa.

# Bazar Kreatif

## USAHAWAN ANAK MUDA KOTA

Berjaya Times Square, Tingkat 4, (Lot 04-87)  
10.00 Pagi - 10.00 Malam (Buka setiap hari)



**BUY 1  
FREE 1 VOUCHER**  
Setiap pembelian  
RM50 ke atas

Pelbagai  
**AKTIVITI MENARIK**  
MENANTI ANDA  
» Busking  
» Karoeke  
» Squid Game

**JOM KUNJUNGI  
KAMI!**



### Konsep Flea Market

Produk makanan, minuman,  
jahitan, pakaian, kraf tangan  
dan lain-lain



#### RUANG MAKANAN

Pelbagai jenis makanan  
menanti anda



#### RUANG PAKAIAN

Pelbagai pakaian yang  
anda boleh dapat



#### RUANG KECANTIKAN

Dapatkan Jamu dari  
Booth berdekatan



#### TIKET PERCUMA

Setiap pembelian  
RM50 ke atas



#### PELBAGAI BARANG

Anda boleh dapat  
Kraf tangan, Lukisan & Barang antik



**Berjaya Times Square  
Tingkat 4, (Lot 04-87)**

**BUKA SETIAP HARI  
10.00 PAGI - 10.00 MALAM**

**#KELUARGA  
MALAYSIA**



# Sifat pemurah yang dieksplorasi



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

**K**EJUTAN pertama ketika menjelak kaki ke Kuala Lumpur hampir 40 tahun lalu adalah apabila melihat banyaknya peminta sedekah dan pengutip derma di kota raya ini.

Bukan kerana semua orang Kuala Lumpur sudah kaya-raya dan tidak mundur seperti di kampung, tetapi disebabkan persepsi yang warga Kuala Lumpur sangat individualistik.

Maknanya orang Kuala Lumpur tidak suka menolong kerana mereka hidup secara 'aku aku' dan 'kau kau.' Tidak kurang juga yang berpesan, jangan senang-senang memberi pertolongan kepada orang lain terutama bab duit. Tentulah munasabah kerana masing-masing kais pagi makan pagi kecuali golongan elit dan kayangan.

Saya lebih menganggap keengganan orang Kuala Lumpur menolong orang lain dalam bab duit kerana mereka pun dicengkam kesempitan.

Masing-masing berdepan dengan tuntutan belanja hidup yang tinggi kerana semua benda memerlukan duit. Saya memahami keadaan ini kerana berada dalam golongan yang sama.

Tetapi tanggapan saya terhadap Kuala Lumpur berubah apabila terdapat banyak peminta sedekah. Tanpa sokongan daripada warga Kuala Lumpur, fenomena minta sedekah atau kutip derma tidak akan wujud dan lestari. Kalau tidak ada yang menyokong, tentu tidak akan berkekalkan lama fenomena itu.

Siapa yang memberi sedekah atau derma itu? Sudah tentu bukan dalam kalangan elit atau kayangan. Mereka jarang atau tidak pernah bertemu peminta sedekah kerana tidak berjalan di kaki lima atau berada di tempat-tempat khalayak biasa. Mereka mungkin dalam 'Bangsar bubble' atau 'Damansara bubble' yang menyendiri.

Ketika orang marhaen bergayut di tangga bas mini, mereka keluar dari pejabat masuk dalam lif dan terus menuju ke pintu kereta mewah yang sudah sedia terngaga. Kemudian berdesup dalam urat nadi yang berselir di perut Kuala Lumpur.

Mereka hanya melihat daripada cermin kereta yang



VIDEO tular memaparkan kanak-kanak etnik Rohingya yang bersikap agresif ketika meminta sedekah di jalanan ternyata mengundang perdebatan ramai.

dihitamkan. Kalau nampaknya pun dalam keadaan yang samar akan realiti rakyat marhaen yang bergelut untuk hidup.

Sudah tentu yang memberi sumbangan kepada peminta sedekah dan pengutip derma ini golongan yang kais pagi makan pagi juga. Mereka inilah yang mudah ditemui di restoran murah atau di gerai kaki lima. Mereka yang bukan dalam golongan kayangan inilah yang menghulurkan seringgit dua apabila di dekati oleh peminta sedekah.

Malah mereka inilah yang faham akan kesusahan hidup orang lain. Walaupun memberi duit kepada peminta sedekah atau pengutip derma itu boleh menyuburkan kegiatan tersebut, tetapi hakikatnya banyak yang tidak sampai hati.

Apa lagi ketika sedang menikmati juadah, rasa seperti tidak tertelan apabila melihat ada orang yang memerlukan makan untuk hidup, bukan untuk menikmati keenakan.

Sebenarnya fenomena peminta sedekah bukan baru bagi saya. Ketika bertugas di Utusan Melayu biro Kedah di Alor Setar tahun 1983, pemandangan ini biasa terutama setiap hari Jumaat di perkarangan Masjid Zahir.

Peminta sedekah beratur panjang di bawah payung yang lusuh untuk melindungi terik cahaya matahari.

Bagaimana pun sangat pelik apabila Kuala Lumpur yang dikatakan individualistik, tidak endah akan masalah orang lain terdapat banyak peminta sedekah dan pengutip derma.

Kuala Lumpur berbeza dengan masyarakat sekitar Alor Setar. Maka tidak hairan peminta sedekah boleh hidup selesa di bandar itu.

Tetapi agak pelik apabila keadaan yang sama berlaku di Kuala Lumpur. Ini kerana Kuala Lumpur sangat tebal dengan persepsi sebagai kota yang angkuh dan hilang kemanusiaan.

Warga yang mendiami kota raya ini difahami sebagai yang rakus dan hilang belas kasihan. Kebendaan dikatakan menjadi mercu tanda impian warganya.

Kalau berleluasanya peminta sedekah dan peminta derma di Kuala Lumpur disebabkan oleh warganya, saya adalah salah seorang daripada warga itu.

Saya tidak sampai hati untuk menghampaskan dan beri juga sekadar termamu.

Bayangkan apabila orang yang sebaya ayah atau ibu menghulur tangan, saya pasti tewas dengan keadaan begitu. Saya fikir orang lain juga serupa.

Beberapa kali juga saya mengajak peminta sedekah dan budak pusat tahfiz yang kutip derma makan bersama-sama. Saya mengambil kesempatan untuk mendapatkan maklumat daripada mereka. Ternyata semuanya memberikan kerjasama yang terbaik.

Maka banyaklah persoalan yang sebelum itu bermain di fikiran saya terjawab. Salah satunya mereka tidak mahu tinggal di rumah kebajikan kerana tidak dapat pegang duit sendiri.

Tanpa berselindung mereka memberitahu pendapatan hasil

**“ Beberapa kali juga saya mengajak peminta sedekah dan budak pusat tahfiz yang kutip derma makan bersama-sama. Saya mengambil kesempatan untuk mendapatkan maklumat daripada mereka. Ternyata semuanya memberikan kerjasama yang terbaik. ”**

meminta sedekah. Terkejut besar saya apabila pendapatan mereka hampir menyamai gaji saya yang ketika itu yang belum sampai RM1,000. Saya menjadi semakin tertarik mencungkil disebalik kesanggupan mereka memilih 'kerjaya' yang bukan semua orang boleh melakukannya.

Sangat setuju kalau dikatakan peminta sedekah di Kuala Lumpur telah mengeksplorasi sifat pemurah golongan terhadap yang kurang senasib, tetapi mempunyai rasa simpati yang tinggi kepada orang lain.

Memang ada golongan yang agak berada turut menyumbang, tetapi sebahagian besarnya mereka yang juga dibelenggu kesempitan hidup.

Walaupun ada kalanya terdetik rasa tidak berkenan dengan sikap ambil peluang di atas kebaikan orang, tetapi apabila berdepan dengan peminta sedekah kita menjadi lemah.

Tiada upaya untuk membiarkan mereka berdiri lama dengan pandangan yang memohon simpati.

Itulah buruknya hati tisu yang cepat belas dengan kesusahan orang lain.

Saya pernah menjamu sekumpulan empat orang kanak-kanak berusia sekitar lapan atau sembilan tahun dari pusat 'tafhiz.'

Mereka datang sambil menghulur sekeping surat yang disalut plastik. Malangnya tulisan dalam surat itu sudah amat kabur dan tidak dapat dibaca.

Kelihatan mereka pula amat lelah dan apabila diberikan air sirap mereka meneguk dengan penuh nikmat.

Tetapi mulanya tidak mahu makan. Mereka mahu duit. Apabila saya beritahu selepas makan

akan diberi duit barulah semua tersengkeh dan nampak gambira. Baju Melayu putih yang dipakai sudah lunyi dan kusam. Saya fikir pada usia sementah itu tugas mereka bukan mengutip derma tetapi belajar.

Rasa sebak apabila melihat mereka makan dengan begitu berselera sekali walaupun berlauk ayam goreng dan kuah kari. Ketika itu mereka sebaya dengan anak-anak saya.

Bayangkan kalau keadaan itu terpaksa dilalui oleh anak-anak saya. Tidak dapat hendak dibayangkan. Semakin dibayangkan semakin sebak jadinya.

Apabila diberitahu mereka yang semuanya anak yatim piatu itu akan didenda termasuk tidak diberi makan kalau tidak bawa pulang duit, saya yakin mereka menjadi mangsa sindiket yang mengeksplorasi sifat pemurah masyarakat untuk mengaut keuntungan.

Eksplorasi begini membentuk pandangan serong masyarakat, mereka yang benar-benar memerlukan akan menjadi mangsa.

Oportunitis berada di mana-mana dan bila-bila sahaja. Mereka menunggu untuk eksplorasi keadaan demi keuntungan.

Mereka berada ketika orang menangis dan juga ketawa. Maka kita yang perlu berhati-hati dengan kewujudan manusia serupa itu.

## SAJAK

### SUNGAI SAMPAH

(Mengambil inspirasi daripada tulisan saudara Ku Seman Ku Hussain di WilayahKu bil. 150)

Pernahkah kita terfikir bagaimana agaknya nanti jika tiba-tiba terjadi sekalian tukang sapu dan pengangkut sampah di kota metropolitan mogok seminggu?

Akan cetekkah nanti Sungai Gombak dan Sungai Kelang secetek sungai pemikiran mereka yang tidak mencermati ilmu sivik?

Pernahkah kita terfikir?

**Mohd Salleh Osman**  
Presint 16, Putrajaya

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

# Syabas MAIWP tingkat kutipan zakat

**S**YUKUR Alhamdulillah kutipan zakat di Wilayah Persekutuan (WP) bagi tahun 2021 meningkat sembilan peratus dengan jumlah kutipan RM828 juta, tambahan RM67 juta berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM761 juta.

Daripada RM828 juta yang dikutip, sebanyak RM816 juta merupakan zakat harta manakala zakat fitrah pula RM12 juta. Kesemuanya melibatkan 1.15 juta pembayar zakat.

Pendekatan yang digunakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Pusat Pengutan Zakat (PPZ-MAIWP) melalui konsep promosi dan dakwah berjaya memupuk kesedaran orang ramai membayar zakat.

Peningkatan kutipan ini sudah tentu memberi ruang selesa kepada MAIWP dalam melaksanakan tanggungjawab membela golongan asnaf di Wilayah Persekutuan, juga yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Tempias pandemik menyebabkan ramai hilang kerja dan sumber pendapatan apabila tempat mencari rezeki gulung tikar atau mengurangkan tenaga kerja. Akibatnya, ramai yang menjadi ‘asnaf segera’, termasuk yang bekerja sendiri.

Ini dapat dilihat melalui data asnaf pada 2020 berjumlah 201,779 orang kini melonjak kepada 216,515 penerima bantuan secara langsung daripada dana zakat MAIWP. Ini bermakna tambahan 14,746 penerima keseluruhannya.

Institusi zakat sejak sekian lama memainkan peranan penting membantu dan membela kepentingan umat Islam. Peranannya juga kian meluas. MAIWP sentiasa bersikap proaktif mengagih bantuan kepada penerima yang layak menurut kategori.

Misalnya, dalam suasana pandemik COVID-19, sejumlah RM105 juta diagih kepada golongan yang terjejas bermula dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 hingga PKP 3.0. Agihan dilaksana melalui pelbagai inisiatif melibatkan golongan sasar, antaranya pemandu teksi, e-hailing serta pengusaha bas sekolah.

Di samping itu, MAIWP memperuntuk bantuan sebanyak RM35 juta di bawah program Sentuhan Kasih MAIWP-Misi Banjir 2.0 bagi meringankan beban mereka yang terjejas dengan bencana alam itu.

Adi difahamkan, peranan MAIWP dalam memenuhi keperluan golongan yang memerlukan terangkum dalam 30 Skim Bantuan Baitulmal MAIWP. Sehingga Disember 2021, MAIWP mengagih RM725 juta melalui pelbagai skim.



PPZ-MAIWP melalui konsep promosi dan dakwah berjaya memupuk kesedaran orang ramai membayar zakat.

Ini termasuk untuk institusi pendidikan yang memang menjadi antara perhatian utama MAIWP. Pelajar cemerlang dalam pelajaran namun kurang berkemampuan serta menghadapi kekangan biaya untuk menimba ilmu baik di pusat pengajian tinggi, kolej atau sekolah, diberi bantuan dan biasiswa.

Selain itu, perbelanjaan MAIWP menjurus ke arah kebajikan, perbelanjaan pengurusan, bayaran amil serta perbelanjaan pembangunan dan penyelenggaraan prasarana umat Islam.

Angka kutipan zakat dan pelbagai program agihan dilaksanakan oleh MAIWP seharusnya dapat memberi jawapan memuaskan hati kepada pihak yang selama ini bertanya-tanya ke arah mana kutipan dibelanjakan.

Bagi Adi, sebenarnya tidak harus wujud keraguan mengenai kebijaksanaan MAIWP membelanjakan wang zakat. Apa juga yang dilakukan adalah menurut kaedah agihan yang dibenarkan serta menurut peraturan dan undang-undang. Agihan dilakukan dengan berhati-hati dan telus.

Untuk memastikan MAIWP

terus mampu melaksanakan bantuan untuk asnaf dan pelbagai program kebajikan umat Islam keseluruhannya dengan berkesan, ia perlu memperoleh hasil kutipan zakat yang tinggi. Sebaiknya, kutipan ini bertambah setiap tahun kerana keperluan agihan juga meningkat saban tahun.

Justeru amat penting wujud kesedaran di kalangan umat Islam untuk menunaikan zakat harta dan zakat fitrah kerana wang inilah yang akan dibelanjakan kembali untuk memenuhi pelbagai keperluan umat Islam di Wilayah Persekutuan.

Di pihak MAIWP sendiri pelbagai kempen membayar zakat dilakukan. Pendekatan melalui dakwah juga diberi penekanan. Kerana itulah seringkali gesaan membayar zakat ini diselit dalam khutbah Jumaat di masjid atau surau Jumaat di Wilayah Persekutuan.

Oleh itu, Adi berharap mereka yang tergolong di kalangan yang wajib membayar zakat, jangan sesekali alpa menunaikan kewajipan. Ingat, zakat ialah rukun Islam keempat. Berzakatlah untuk mensucikan harta. Sesungguhnya harta yang dimiliki itu sebagianya adalah hak

**‘Angka kutipan zakat dan pelbagai program agihan dilaksanakan oleh MAIWP seharusnya dapat memberi jawapan memuaskan hati kepada pihak yang selama ini bertanya-tanya ke arah mana kutipan dibelanjakan.**

orang lain.

Adi—Bayar zakat fitrah

## BERHENTI DESAK KELUAR DUIT KWSP

KERAJAAN telah mengumumkan secara muktamad tidak membenarkan lagi pengeluaran di bawah mana-mana skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) demi kepentingan masa depan pencarum.

Namun Adi kesal setelah keputusan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, masih bertalu-talu desakan daripada pelbagai pihak, terutama pemimpin politik, yang mahu kerajaan memikirkan kembali keputusan dan membenarkan pengeluaran sehingga RM10,000 melalui skim i-Citra.

Desakan ini nyata tidak menghormati keputusan kerajaan sedangkan kerajaan telah membuat pertimbangan teliti kenapa tidak membenarkan lagi pengeluaran. Setelah beberapa siri pengeluaran melalui i-Sinar, i-Lestari dan i-Citra simpanan pencarum didapati menyusut dengan banyak.

Sebahagian besar daripada mereka kini mempunyai caruman di bawah RM10,000. Malah ramai pula yang caruman berada pada paras RM1,000 sahaja. Tentunya jumlah ini sangat sedikit bagi memenuhi keperluan hari tua.

Kerana prihatin dengan situasi inilah kerajaan bertindak menyekat pengeluaran berterusan. Jika ini tidak dilakukan, simpanan akan habis atau menyusut teruk sebelum sampai masa. Bertahun-tahun perlu diambil untuk menambah karung caruman. Jika sudah sampai masa umur bersara, apa akan jadi?

Adi kecewa dengan sikap segelintir pihak tertentu dan tokoh politik yang seolah-olah tidak memahami rasional yang diberi oleh kerajaan. Mereka dilihat mahu kesenangan sementara untuk pencarum tetapi tidak memikirkan masa depan mereka.

Apabila tiba masa untuk bersara nanti, dan pencarum tidak mempunyai simpanan mencukupi, siapa akan susah? Pencarum yang akan terkontang kanting sedangkan ketika itu pemimpin politik terlibat entah ke mana dan tidak

akan memperdulikan pencarum.

Pada pandangan Adi, pemimpin politik khususnya daripada parti yang mendokong kerajaan, sepatutnya berperanan membantu kerajaan memberi kesedaran kepada pencarum perlunya jangan mengusik duit simpanan.

Namun sebaliknya pemimpin ini pula yang menggalakkan pencarum mengeluarkan simpanan. Nampak mereka tidak menghormati pendirian kerajaan yang sama-sama didokong. Sepatutnya mereka menyokong. Janganlah isu pengeluaran dijadikan bahan mempopuler diri atau mendapat nama peribadi.

Kerajaan mempunyai banyak tugas lain untuk memakmurkan negara dan rakyat ketika negara bergerak menuju era endemik COVID-19. Ekonomi negara perlu dirancakkan kembali, lebih banyak peluang pekerjaan perlu dibuka kepada rakyat.

Biarkan kerajaan memberi tumpuan kepada tugas berat ini dan jangan diganggu. Lagipun kerajaan sentiasa membantu golongan yang memerlukan, termasuk ketika insiden banjir teruk baru-baru ini. Bantuan ini mencukupi tanpa perlu mengusik caruman KWSP.

Oleh itu, Adi menyeru pemimpin politik dan mereka yang masih mendesak dibenarkan pengeluaran caruman KWSP, berhentilah berbuat demikian. Cukuplah membuat desakan. Jangan cuba mewujudkan suasana tidak harmoni. Hormati keputusan kerajaan. Kerajaan pula mesti tegas pertahan pendirian.

Adi—Jimat sebelum habis

*Adi Taib*

## SAJAK

### INSPIRASI PENUH ASPIRASI

Dendangkan jiwa seluruh Nikmat hidupmu  
Memetik kuntuman rasa mekar harapan  
Bermandi cahaya di lampu realiti  
Membangkit gemuruh menyambut rasukan kejayaan.

Gempur, langkah sukma mulusmu  
Penuh inspirasi penuh lestari  
Menjejak kaki di bumi sendiri  
Penuh aspirasi tanah bertuah  
Tersergam bangunan agam  
Memancar kental jiwa cinta negara

Perkenakan  
Strategik wilayah darah dagingmu  
Bawalah hati nurani dan jiwanmu  
Menikmati indah dan gemilang  
Merespas aura enggan mengalah  
Langkah cetus pembekal inspirasi  
untuk aspirasi Malaysia tersohor di peta keunggulan.

Sharil Kasak  
Serdang, Selangor

## SKETSA



Selami keadaan mangsa hadapi musibah tidak diduga

# YWP terus bantu warga kota

DIANA AMIR

**M**USIBAH atau bencana sering berlaku tanpa diduga dan meninggalkan kesan yang mendalam terutama buat mangsa yang terlibat.

Terus cakna dengan nasib mangsa, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa tampil dalam memberikan bantuan awal kepada mereka yang ditimpas musibah.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata baru-baru ini YWP telah menyampaikan bantu-



ZAIZALNIZAM

an kepada mangsa kebakaran di Perumahan Awam (PA) Setapak Jaya.

"Isnin lalu kita telah memberi bantuan wang tunai sebanyak RM500 kepada dua buah keluarga yang terjejas.

"Bantuan tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias yang telah turun padang melawat mangsa kebakaran," katanya.

Beliau berkata unit rumah transit akan diberikan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada mangsa semasa rumah mereka dibaik

pulih.

"Setakat ini hanya bantuan berbentuk wang tunai diberikan tetapi kita akan lihat bantuan lain yang diperlukan selepas mereka mendapat unit transit," tambahnya.

Dalam pada itu, Zaizalnizam berkata YWP turut menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di Kuang.

"Pada Selasa lalu juga, kita ada menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di Kuang.

"Wang tunai sebanyak RM300 diberikan kepada 130 mangsa banjir dan disampaikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan sendiri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim," jelasnya berkenaan bantuan yang telah disampaikan oleh pihak YWP. WK



BAKUL makanan turut diberikan kepada mangsa yang terjejas banjir di Kuang, Selangor baru-baru ini.

## 'Harapan untuk bertahan, kembali pulih amat tipis' - Azizan Osman

SABRINA SABRE

PAKAR motivasi terkenal, **Datuk Azizan Osman** menerusi satu hantaran yang dimuat naik di laman media sosialnya berkongsi lima perkara yang dipelajari selepas genap setahun bertarung nyawa melawan COVID-19 di atas katil Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sungai Buloh.

Menceritakan pengalaman berperang dengan virus itu, Azizan berkata doktor pakar memaklumkan harapan untuk beliau *survive* amat tipis ekoran serangan COVID telah merebak ke dalam paru-parunya di samping tahap ok-sigen yang menurun.

Lebih memilukan jangkitan virus itu telah menyebabkan ibu mentuanya meninggal dunia pada 24 Januari tahun lalu di hospital yang sama.

"Apa yang saya belajar, hidup ini seluruhnya adalah ujian, Allah



DATUK Azizan Osman lebih menghargai kehidupan dan individu di sekelilingnya selepas bertarung nyawa dijangkiti COVID-19 pada tahun lalu di samping memberi nasihat kepada orang ramai untuk meluangkan masa bersama keluarga tercinta atau menggunakan masa untuk membantu orang lain.



SWT boleh uji kita pada bila-bila masa sahaja tidak kira bersedia atau tidak dalam pelbagai bentuk. Kita perlu bersedia untuk menghadapinya dengan baik dan pantas.

"Setiap perkara ada proses. Contoh apabila saya dalam tempoh

pemulihan, doktor pakar pesan kesembuhan mungkin ambil masa selama tiga hingga enam bulan. Pastikan saya makan makanan yang baik, tidur dengan cukup sedangkan masa itu susah hendak tidur dan banyakkan berehat daripada

terlalu banyak berfikir atau stres kerana stres akan melambatkan proses pemulihan," kata usahawan itu.

Selain itu, Azizan turut mempelajari erti menghargai kehidupan dan individu di sekelilingnya teru-

tama pelajar dan orang ramai yang mendoakan dirinya ketika sakit.

"Kehidupan sangat singkat dan apabila tiba masanya semua akan pergi jauh, namun cepat atau lambat bukan urusan manusia. Ketika ada ruang dan peluang untuk melakukan perkara yang baik seperti membantu orang lain dengan kerja atau perniagaan dimiliki, rebutlah sebaiknya.

"Pelajaran kelima selagi belum mati jangan mengalah. Semua orang ada 24 jam yang sama. Kita hidup orang lain pun hidup. 'Play big!' dan apa perkara yang membuatkan saya 'trigger', ia mendorong saya untuk lebih berani 'play big'."

"Saya melangkah menjadi antara pelabur utama dalam syarikat di Bursa Malaysia MPay Berhad dan banyak lagi tindakan lebih berani. Terima kasih kerana sentiasa doakan saya," kongsinya menerusi hantaran di Facebook dan Instagram. WK

## FRIM lancar polisi baharu, utamakan aspek keselamatan, kesihatan pekerja



ISMAIL bersama warga kerjanya semasa Majlis Perhimpunan Bulanan FRIM yang pertama.

NAZWIN NAZRI

BAGI memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja dapat dilaksanakan secara efektif serta lebih berkesan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) melancarkan Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan FRIM.

Pelancaran berkenaan dilakukan semasa Majlis Perhimpunan Bulanan FRIM yang pertama, pada 17 Januari lalu.

Ketua Pengarahnya, **Dr Ismail Parlan** berkata, polisi yang diperkenalkan itu bertujuan untuk memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat dilaksanakan secara efektif dan

berkesan.

"Selain itu, polisi ini dapat mewujudkan suasana persekitaran kerja yang selamat dan sihat," katanya.

Dalam pada itu, beliau ketika berucap, turut meryeru warga kerjanya untuk menghadapi cabaran mendatang dengan penuh kesungguhan dan semangat.

"Cabaran yang mendatang juga berbeza daripada apa yang pernah kita (FRIM) alami.

"Namun, adalah penting untuk kita sama-sama mendepaninya dengan kesungguhan, keberanian dan penuh semangat perpaduan antara kita. Semoga FRIM terus kukuh dan maju," ujarnya. WK

REALITI KEHIDUPAN

**cetakota**

21 - 27 JANUARI 2022 . BIL 151

Wilayah Ku

**Abadi memori kota  
batu di Titian Silara**



# Titian Silara dibuka sempena Hari Wilayah

**AINI MAWAWI**  
Foto: NOOREEZA HASHIM

**B**AGI yang merindui keindahan alam semula jadi di tengah Kota Batu, anda pasti melonjak gembira apabila satu-satunya jambatan gantung di tengah bandaraya, Titian Silara (*Canopy Walk*) yang terletak di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL) Bukit Nanas dibuka semula Februari ini.

Hampir enam bulan ditutup ekoran kerja-kerja penyelenggaraan, titian sejauh 200 meter ini kembali lagi dengan ciri-ciri keselamatan yang lebih terjamin untuk menyambut kehadiran pengunjung.

Menurut Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan, **Mohd Hafiz Hamzah**, baik pulih titian tersebut meliputi komponen yang rosak disebabkan tempoh usia serta terdedah kepada cuaca yang tidak menentu seperti hujan dan sebagainya.

"Kita tukar sebahagian tali yang rosak, gantikan lantai yang patah dan sebagainya supaya ia tidak mendatangkan perkara yang tidak



MOHD HAFIZ

diingini kepada pengunjung. Bahagian lantai misalnya, kita gantikan dengan bahan *Fiber Reinforced Polymer* (FRP) yang lebih lasak dan tahan lama.

"Setakat ini, kerja-kerja penambahbaikan sudah hampir selesai dan bagi memastikan ia kekal terpelihara, kita akan menjalankan pemantauan secara berkala sebanyak dua kali setahun," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, pembukaan Titian Silara sempena sambutan Hari Wilayah tersebut dijangka akan mencatat kunjungan pelancong yang tinggi memandangkan sektor pelancongan negara kini semakin rancak.

"Saya yakin orang ramai tidak sabar untuk ke sini memandangkan ia telah lama ditutup. Bukan sahaja untuk menikmati pemandangan yang indah tetapi dalam masa yang sama lokasi ini sesuai untuk aktiviti beriadah.

"Antara tarikan yang berharga di sini adalah pengunjung dapat mengabadikan foto Menara Kuala Lumpur dan kawasan sekitar melalui



PENGUNJUNG dapat melihat panorama yang indah dari atas Titian Silara.

pelantar selain keindahan panorama hutan di tengah rimba yang merupakan hutan paling tua di Semenanjung Malaysia," ujarnya.

Katanya lagi, suasana pada waktu malam dari atas Titian Silara lebih indah dan sangat memukau namun buat masa ini, pihaknya masih belum bercadang untuk membuka operasi pada waktu tersebut.

"Setakat ini, lokasi ini masih belum dibuka untuk kunjungan waktu malam namun pihak kami ada perancangan ke arah itu. Kita sedang memperlengkapkan kawasan daripada segi fasiliti, lampu dan sebagainya supaya lebih cantik dan selamat dikunjungi.

"Dalam masa yang sama, kita juga

perlu memperkuatkan bilangan tenaga kerja untuk memantau pengunjung bagi menjamin keselamatan mereka daripada ancaman hidupan liar seperti ular dan sebagainya," ujarnya lagi.

Selain daripada Titian Silara, TERKL yang mempunyai laluan menarik seperti Denai Jelutong, Denai Suboh, Denai Sindora serta lokasi tumpuan iaitu *Bamboo Walk*.

"Kita juga banyak membaik pulih laluan denai-denai supaya lebih selamat untuk pengunjung. Bukan itu sahaja, tandas awam di hadapan pintu masuk TERKL juga turut dinaik taraf.

"Selain beriadah, pengunjung juga boleh mengadakan aktiviti perkhemahan. Cumanya ketika



LALUAN diganti dengan FRP supaya tahan lama.



LANTAI di dataran juga dinaik taraf.



PENUNJUK arah untuk denai-denai.



pandemik COVID-19, kita tutup seketika aktiviti ini kerana tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP).

"Jika keadaan sudah kembali pulih, *Insyah-Allah* ia akan dibuka semula. Segalanya tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa," ujarnya.

Bercerita lanjut tentang tarikan lain, menurutnya pada Mac 2014, sebuah terowong misteri dijumpai di Bukit Nanas yang dipercayai telah dibina oleh orang Melayu yang diketua Tuanku Raja Asal@Ja Asai.

"Terowong tersebut dipercayai digunakan sebagai laluan bagi melarikan diri ketika Perang Saudara di Selangor pada 1868 dan 1871. Ja Asai juga membina istana iaitu Istana Godang di puncak Bukit Gombak (nama lama Bukit Nanas).

"Dalam usaha menguatkan pertahanan, Ja Asai dan orang-orangnya menanam pokok nanas di sekitarnya selain mengorek terowong rahsia. Sejarah tersebut wajar dipelihara supaya diketahui masyarakat umum termasuk pelancong luar.

"Untuk itu, kita di Jabatan Perhutanan hanya dapat menjaganya dan menaik taraf laluan berkaitan



**BAMBOO WALK** yang turut menarik perhatian pengunjung.

seperti denai yang dikenali Denai Jelutong supaya ia tak hilang ditelan zaman," ujarnya.

#### DESTINASI TUMPUAN

**DIJANGKA** menjadi tumpuan ramai menjelang Februari ini, Mohd Hafiz berkata jika dilihat tahun lalu, TERKL berjaya merekodkan pungutan berjumlah kira-kira RM900,000 dengan purata pengunjung 15,000 orang sebulan.

"Kita mula mengenakan bayaran masuk bermula 1 Januari tahun lepas dan ketika itu, TERKL sempat beroperasi selama enam bulan memandangkan tahun lalu negeri dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"*Insyah-Allah* jumlah tersebut pasti meningkat memandangkan ketika ini aktiviti pelancongan semakin rancak," ujarnya yang turut memastikan SOP dijaga sebaiknya apabila lokasi ini dibuka kelak. **W K**



Terowong misteri yang dijumpai di Bukit Nanas.

## Reaksi

**WARGA** kota teruja menanti pembukaan kembali Titian Silara (*Canopy Walk*) yang terletak di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL) sekali gus menyifatkan ia sebagai permata hijau di tengah hutan konkrit Kuala Lumpur.

Menurut salah seorang pengunjung setia, **Ibnatie Aziza Mat Roff**, biarpun banyak lokasi pilihan alam semula jadi di tengah bandaraya Kuala Lumpur



**IBNATIE AZIZA**

namun TERKL memiliki tarikannya tersendiri.

"Saya berpeluang pergi beberapa kali ke sana dan apa yang dapat saya simpulkan, hutan tersebut amat menakjubkan. Lebih-lebih lagi kalau dapat berjalan di titian tersebut."

"Sambil berjalan saya dapat melihat tumbuhan yang tak pernah saya jumpa sebelum ini dan saya juga suka berjalan melalui denai-denai di sini," ujarnya yang gemar melakukan aktiviti mendaki.

Sementara itu, menurut **Syed Mussaddad Syed Mahdi** pula, pembukaannya dilihat satu peluang yang baik kepada orang ramai

untuk mencari ketenangan jiwa.

"Tinggal di bandaraya memang agak mencabar lebih-lebih lagi dengan kesesakan lalu lintas dan sebagainya. Jadi, saya rasa lokasi seperti ini boleh menenangkan jiwa," ujarnya.

Tambahnya lagi, dia juga tidak sabar untuk ke sana memandangkan lokasi tersebut berhampiran dengan kediamannya.



**SYED MUSSADDAD**

Selain itu, menurut **Norliesya Isyana Ismail** yang pernah mengikuti aktiviti perkhemahan di kawasan tersebut, persekitaran yang nyaman membuatkannya merindui TERKL.

"Saya pernah berkhemah bersama suami. Lokasi tersebut sangat seronok kerana kami berpeluang menghabiskan masa bersama-sama dengan penuh ketenangan."

"Tak sabar rasanya nak ke sana lagi tapi kali ini mungkin kami akan cuba mencabar diri melalui titian tersebut memandangkan saya seorang yang penakut," ujarnya.

Katanya lagi, dia juga berharap

agar pihak pengurusan sentiasa memastikan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi kerana bimbang dengan kemunculan varian-varian baharu.

"Saya juga harap agar aktiviti perkhemahan dapat dibuka semula dalam masa terdekat kerana saya merancang untuk membawa ahli keluarga ke sini," ujarnya.



**NORLIESYA ISYANA**

## KL semakin rancak

**AKTIVITI** pelancongan di Kuala Lumpur dilihat semakin rancak dan mendapat sambutan menggalakkan daripada pelancong dalam negara sekali gus memberi gambaran bandaraya ini kembali kepada keadaanya sebelum pandemik COVID-19.

Berkata mengenainya, Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** menyifatkan ia suatu yang amat baik dan bakal memberi kesan kepada semua lapisan masyarakat.

"Apabila industri pelancongan semakin bertambah baik, bisnes di Kuala Lumpur juga bertambah maju jadi secara tidak langsung boleh mencipta semula banyak peluang pekerjaan."

"Kesannya orang ramai ada duit dan mereka akan membelanjakannya sekali gus membantu menjana ekonomi. Jadi, untuk memastikannya berjaya, kita juga perlu bersungguh-sungguh menjaga dan menyokong aktiviti ini," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau, keadaan tersebut amat ketara apabila melihat keadaan semasa di bandaraya tersebut yang sentiasa sesak dengan orang ramai.

"Kalau kita lihat pergerakan orang ramai contohnya di kawasan Kampung Baru, Jalan Raja Abdullah dan sebagainya jelas ketara ia ada kaitkan dengan keadaan ekonomi yang bertambah maju," ujar beliau.

Mengulas lanjut tentang pembukaan semula Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL) Bukit Nanas, Februari ini, Mahadi berkata lokasi alam semula jadi tersebut merupakan antara tarikan menarik kepada orang ramai.

"Orang sekarang memang tengah mencari lokasi untuk dilawati di dalam negara jadi tarikan hutan di tengah bandaraya ini saya lihat punya kelainan tersendiri."

"Diharapkan pelancong berpuas hati dan menjadi satu lawatan yang amat bermakna dan akan adanya lawatan ulangan pada masa datang secara tidak langsung ia menjadi aktiviti berterusan yang turut membantu ekonomi negara," kata beliau.

# Kibaran bendera Wilayah di Kuala Lumpur dan Putrajaya



**B**IARPUN masih berdepan situasi COVID-19, warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan tidak melepaskan peluang untuk mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di bangunan dan secara maya bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022 yang bakal disambut pada 1 Februari ini.

Sambutan SHWP 2022 akan diadakan menerusi beberapa program yang dijalankan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan Majlis Keselamatan Negara, termasuk menerusi platform digital.

Tema SHWP bagi tahun 2022 iaitu 'Keluarga Malaysia' dengan matlamat untuk menyemarakkan lagi semangat cintakan Wilayah Persekutuan terhadap warganya di ketiga-tiga wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

WK



## Bendera Wilayah berkibar di Labuan



MOHD HAZIM MOHD NOOR

**B**ERSESUAIAN dengan tema 'Keluarga Malaysia' salah seorang warga Wilayah Persekutuan Labuan Mohd Noor bin Mohd Salleh, 58, dibantu oleh dua orang cucunya Danial dan Danish bersama-sama memasang serta mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di kawasan halaman rumah mereka sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022.

Beliau berharap agar penduduk di Wilayah Persekutuan, marilah kita bersama-sama mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan walau dimana anda berada sebagai tanda kecintaan kita terhadap Wilayah Persekutuan.



**PEMIMPIN UMNO Wilayah Persekutuan turut menyampaikan sumbangan kotak makanan kepada mangsa banjir di Kampung Setia, Kuang pada Selasa.**

## Sumbangan Shahidan mereda gelora

**B**ENCANA alam yang mengakibatkan banjir genang telah berlalu hampir sebulan lalu. Namun peristiwa tersebut masih membungkam setiap mangsa yang terkesan. Manakan tidak, banyak harta benda rosak dan ada yang terpaksa mengeluarkan belanja besar untuk membina hidup baharu.

Usai mengerah keringat membantu mangsa di pelbagai tempat, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim telah meluangkan masa menyantuni kira-kira 126 mangsa banjir di Kampung Setia, Kuang, Selangor dalam satu majlis ringkas pada Selasa.

Pengerusi YWP Media Sdn Bhd, Datuk Mustapa Kamal Mohd Yusoff serta beberapa Ketua UMNO Bahagian

di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur turut menyertai rombongan Shahidan disambut meriah Ketua UMNO Bahagian Selangor, Datuk Abdul Shukur Idrus sebagai tanda penghargaan di atas bantuan yang disalurkan meskipun dua negeri ini dipisahkan dengan sempadan.

Beliau yang juga Pengurus Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan kerjasama Yayasan Pok dan Kassim milik keluarganya menyalurkan bantuan berupa kotak makanan serta sumbangan tunai sebagai tanda kebersamaan dan jiwa prihatin yang mendalam. Meskipun bantuan itu tidak dapat menyelesaikan masalah, namun ia mampu mereda gelora dan mengukir senyuman kepada mangsa. **W K**



**SHAHIDAN (tengah) menyampaikan sumbangan kotak makanan kepada seorang mangsa banjir.**



**PENGURUS Kanan PESAT YWP, Zahrulail Abdul Rahman (tengah) turut menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir.**



**SHAHIDAN (kiri) menerima cenderamata daripada Abdul Shukur selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Banjir Fasa 2 Selasa lalu.**



# Kekal nombor satu, Siti Nurhaliza bertuah kerana peminat



DEEL ANJER

**P**ENYANYI nombor satu negara, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** mengaku sekarang bukan waktu untuk bersaing, jauh sekali untuk berlawan dengan bakat muda.

Bagi penyanyi lagu Seribu Kemanisan dan Seindah Biasa yang sudah 25 tahun dalam industri seni, dia hanya mahu kekal relevan.

"Bukan era berlawan lagi. Saya hanya mahu kekal menyajikan lagu yang best, prestasi kerja bagus selain berkolaborasi dengan generasi baru," katanya pada majlis perjumpaan dan sambutan ulang tahunnya yang ke-43 (pada 11 Januari lalu) bersama Sitizone di Magica Cheras Hall.

Ibu kepada Siti Aafiyah

Khalid dan Muhammad Afwa itu juga terus memanjat kesyukuran kerana kesetiaan kelompok peminat Sitizone (digelar Sitizoner) terus utuh selepas 18 tahun wujud.

"Dalam tempoh perjalanan lebih dua dekad itu saya bersyukur kerana dikelilingi tunjang kekuatan yang menjadi tulang belakang termasuklah rakan media dan peminat.

"Saya fikir mereka akan berubah hati kerana ada lagi penyanyi yang lebih hebat akan ambil alih. Namun sebaliknya ia menjadi suntikan semangat untuk saya terus beri yang terbaik. Malah ada peminat baharu, yang minat sejak dulu dan ada yang seusaia yang anak mereka pula menyambung sokongan kepada saya," katanya.

Tambah Siti lagi, banyak

momen dikenang sejak penubuhan Sitizone.

"Mereka ada dengan saya waktu suka dan duka. Kalau tengok filem dokumentari, *Siti: Are You Ready?* boleh lihat ada kelompok peminat yang sanggup pergi ke mana saja konsert saya diadakan.

"Malah merentas luar negara pun mereka sanggup melabur duit biarpun jarang berjumpa dan berkomunikasi," katanya pada acara berkenaan penyanyi itu meminjam semangat juang karakter puteri Disney, Mulan, seiring dengan tema watak dalam filem atau drama.

"Mulan versi saya ini sopan sedikit, versi berhijab. Saya pun suka watak hero seperti ini dan selalu berangan jadi ketua atau pemimpin yang meneraju peperangan," katanya. WK

**SITI** 'menjelma' sebagai *Mulan* dalam acara bersama kelab peminatnya, Sitizoner.



## Tak tidur selepas solat subuh, rezeki Fasha murah

**SEORANG** morning person dan tidak tidur sesudah solat Subuh. Itulah antara rahsia rezeki pelukan popular Fasha Sandha sentiasa murah.

Selain itu, selama 16 tahun dalam industri, dia kekal berdisiplin dan sentiasa memberi komitmen kepada sesiapa sahaja yang menyebabkan dirinya sentiasa relevan meskipun ramai pelukan baru menjadi pilihan stesen televisyen.

Bukan bermaksud berlagak baik, pemilik nama penuh **Nur Fasha Sandha Hassan** ini berkata rutin hidupnya bermula sesudah solat Subuh.

"Sejak 16 tahun lalu saya memang jenis senang bangun pagi untuk memulakan rutin sebagai ibu, isteri dan anak seni."

"Saya selalu cakap dekat artis baru, lama kelamaan kita akan jadi 'lama'. Itu putaran hidup. Cuma kalau tak bagus tak apa, berusaha perbaiki kelebihan dan juga benda yang boleh dijaga contohnya disiplin dan komitmen kerja."

"Dua hal itu saya tak boleh berkompromi. *Insya-Allah* ada jalan dan rezekinya. Pada masa sama kita terus gilap bakat dan sentiasa belajar. Tahap sekarang pun bukan populariti yang

saya fikir. Kalau ada... bonus," kata Fasha pada majlis memperkenalkannya sebagai duta atau pengguna setia produk vitamin C Gebu Glow keluaran Wawawien Beaute di ibu kota.

Malah hingga kini biar berganti wajah pelapis dunia seni, isteri kepada Aidil Aziz dan ibu kepada Putra Rayfal, Putri Raysha Jemima serta Aisha Amaira ini tetap berada di liganya tersendiri.

Tidak hanya 'laku keras' dengan tawaran seni, kakak kepada Elisya Sandha ini juga terus diintai serta diberi kepercayaan sebagai duta produk.

"Macam jodoh saya dengan produk vitamin C ini pun bermula ketika menjayakan kempen tiga bulan sejak Oktober tahun lalu untuk mencuba dan merasai keberkesanannya."

"Saya pun sama seperti adik beradik pengasas Wawawien yang tak suka makan kapsul atau tablet. Ia dihadirkan dalam bentuk serbuk. Ternyata produk itu serasi dengan saya kerana bukan tujuan untuk memutihkan kulit tetapi menjadikan kulit sihat."

"Rezeki berpihak kepada saya sejak Disember tahun lalu kerana dilamar sebagai duta atau pengguna setia selama setahun. Malah wajah saya juga sudah terpampang di billboard seluruh Malaysia sepanjang lebuh raya," katanya.



SIKAP disiplin yang tinggi membuatkan Fasha Sandha disenangi ramai.

## "Popular atau tak, saya percaya Allah sudah aturkan rezeki" – Nas Adila

**PENYANYI** Nas Adila tidak pernah berputus asa untuk terus menaikkan namanya sebagai artis terkenal meskipun popularitinya tidak sehebat artis wanita lain.

Tidak menjadikan situasi itu sebagai alasan untuk bersara dalam nyanyian, malah Nas menganggap apa yang dilaluinya sebagai ujian dan yakin dengan rezeki yang telah Allah tetapkan.

"Dalam menyanyi ni, saya sentiasa berusaha. Kalau ada rezeki dalam bidang itu, adalah. Kalau rezeki untuk terus maju dalam nyanyian belum sampai, saya akan terus juga berusaha."

"Saya tak pernah putus asa, jauh sekali nak rasa tertekan. Saya tak mau sia-siakan bakat yang Allah bagi. Popular atau tak, saya percaya Allah sudah aturkan rezeki."

"Mungkin ramai nampak saya begitu *struggle* dalam nyanyian. Dah usaha pun nama tetap kurang popular. Ubah konsep daripada irama Malaysia kepada lagu balada juga tetap tak menjadi."

"Tapi saya yakin rezeki di tangan Allah. Jadi saya go with the flow. Saya akan terus usaha dan tidak berhenti menyanyi,"

katanya ketika ditemui di set penggambaran sitkom Kelas IT Kampung Ampas yang bakal disiarkan di RTM.

Dalam perkembangan lain, Nas atau nama sebenarnya **Nas Adila Mohd Dan**, 35, merancang mahu muncul dengan lagu berkonsep ketuhanan.

"Kalau boleh saya nak muncul dengan lagu ketuhanan. Menyanyi lagu berkonsep sebegini lain kepuasannya. Dalam masa yang sama, mesej-mesej positif juga dapat disampaikan."

"Selain itu, saya teringin muncul dengan lagu rancak yang bersesuaian dengan zumba. Memandangkan saya ni mengajar zumba, alangkah bagusnya kalau saya ada lagu sendiri yang digunakan semasa mengajar zumba," ujarnya lagi yang pernah muncul dengan lagu *Sakit Hati* duet bersama suaminya Alif Razali.

Nas berkahwin dengan Alif Razali yang juga bekas peserta Akademi Fantasia musim keenam, tujuh tahun lalu.

Mereka dikurniakan dua cahaya mata iaitu Rizqi Ikhram, 5, dan anak Aisy Zikri yang berusia dua tahun.



NAS ADILA bahagia bersama suaminya, Alif. Mereka digandingkan dalam sitkom Kelas IT Kampung Ampas.

# 'Yee Sang Prosperity Toss' kempen terkini Yakult sempena Tahun Baru Cina

SYAHIDI BAKAR

**B**ERSEMPENA sambutan Tahun Baru Cina 2022 bakal diraikan pada Februari ini, Yakult (Malaysia) Sdn Bhd kembali dengan promosi hebat kempen Beli dan Menang dengan matlamatnya memupuk semangat kebersamaan dan kemakmuran dalam mengharungi tahun serba mencabar ketika ini.

Menerusi kempen ini bermula 27 Disember 2021 sehingga 23 Januari, sejumlah 288 set eksklusif Yee Sang akan dihantar kepada pelanggan yang bertuah setiap minggu, sebagai kaedah promosi dan meraikan pelanggan Yakult yang dihargai.

Bagi Pengarah Urusan Yakult (Malaysia), Hiroshi Hamada, kempen dianjur hasil kejayaan dicatat tahun sebelumnya dan pada 2022 ini, semangat 'Yee Sang' bermaksud bertambah kemakmuran itu diteruskan bagi meraikan kebersamaan.

Katanya, menyedari Yee Sang menjadi hidangan pilihan bagi perayaan Tahun Baru Cina, mungkin tidak dapat mengadakan perjumpaan besar ahli keluarga, kawan dan rakan sekerja meraikannya bersama, maka Yakult tampil memberi ganjaran set eksklusif Yee Sang ini untuk dinikmati.

"Kami (Yakult) berharap menerusi kempen yang diadakan set eksklusif Yee Sang ini, ahli keluarga dapat berkumpul dengan selamat bagi meraikan perayaan ini sambil menikmati lambungan Yee Sang di rumah masing-masing.

"Paling penting Yee Sang eksklusif adalah halal dan kami mengalu-alukan semua para



PARA pelanggan Yakult yang menyertai kempen promosi sempena Tahun Baru Cina berpeluang menikmati Yee Sang istimewa yang disajikan khas untuk pemenang bertuah.

pelanggan untuk menyertai kempen ini sambil kita nikmati hidangan tradisi makanan istimewa ini bersama yang tersayang," katanya dalam satu kenyataan media baru-baru ini.

Yee Sang merupakan hidangan makanan tradisi utama bagi sambutan perayaan Tahun Baru Cina di Malaysia menjadi simbol kemakmuran selain kesihatan dan kekayaan kepada semua pengaruh yang meraikannya.

Menerusi kempen yang sedang berlangsung kata Hamada, Yakult

berharap kenalan dan keluarga dapat berkumpul dengan mematuhi SOP, sambil mengelilingi hidangan, melaung ucapan selamat untuk raikan pelbagai

aspek kehidupan termasuk limpahan kekayaan, kesihatan yang produktif dan perjalanan yang selamat.

Kempen Beli dan Menang Tahun Baru Cina 2022 ini terbuka kepada rakyat Malaysia dengan syarat membeli minimum 30 botol Yakult di dalam satu resit, layak tebus set angpau Tahun Baru Cina, eksklusif Yakult disertakan dengan QR Kod bagi penyertaan seterusnya berpeluang memenangi set eksklusif Yee Sang.

Penebusan paket angpau boleh dibuat menerusi pembelian dari Wanita Yakult, promoter Yakult di pasaraya atau membeli terus dari Yakult Malaysia dengan setiap penyertaan melalui imbasan kod QR, pelanggan berpeluang menangi set eksklusif Yee Sang yang akan dihantar kepada pemenang bertuah sebelum 1 Februari 2022.

Hamada turut mengucapkan terima kasih kepada pelanggan

menyokong Yakult dan amat berharap jenama minuman probiotik terkenal Jepun, dapat memberi kebaikan kesihatan kepada masyarakat di musim perayaan Tahun Baru Cina ini.

"Inisiatif kempen Tahun Baru Cina sejarah dengan falsafah korporat Yakult iaitu kami menyumbang kepada kesihatan dan kebahagiaan semua orang di seluruh dunia. Minuman probiotik Yakult ketika ini diminum 40 juta penduduk di 40 negara hasil manfaat bakteria baik dikenali Shirota strain yang terbukti membantu meningkatkan fungsi usus.

"Minuman Yakult dihasil sepenuhnya di Malaysia, dengan kilang pengeluaran berteknologi tinggi di Seremban, Negeri Sembilan dan disahkan Halal oleh JAKIM," jelasnya.

Untuk maklumat lanjut, layar laman web rasmi Yakult di [www.yakult.com.my](http://www.yakult.com.my).



PELBAGAI paket Angpau Tahun Baru Cina turut dikeluarkan Yakult sebagai menghargai pelanggannya.

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

**wilayah Ku**  
MEDIA WARGA KOTA

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE	
26cm X 33cm	<b>RM7,500</b>
QUARTER PAGE	

QUARTER PAGE	
12cm X 17cm	<b>RM4,500</b>

HALF PAGE	
26cm X 17cm	<b>RM5,500</b>
PANEL PAGE [INNER]	

PANEL PAGE [INNER]	
26cm X 6cm	<b>RM4,500</b>

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px <b>RM2,500</b>
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px <b>RM2,000</b>
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px <b>RM1,500</b>
	HALF PAGE 350px X 500px <b>RM1,000</b>

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

## BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**016-658 6278 (ROSLY HANAFI)**  
Operasi & Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:  
Aras 9, Blok 1,  
Menara Seri Wilayah,  
62100 Putrajaya.



HAZIRAH HALIM

**H**AI semua pembaca Akhbar Wilayahku! Minggu ini **Datin Seri Shamsiah Md Yassin** bersama **Chef Hasna** ingin kongsikan khasiat strawberi dan dua resipi menarik yang boleh dihasilkan dengan menggunakan buah ini.

Buah ini memang cukup sedap dimakan begitu sahaja apatah lagi dicampur dengan coklat. Tambahan ia juga kaya dengan vitamin dan kandungan antioksidan yang tinggi.

Pastikan anda mencuba resipi ini ya. **WK**

# Resipi menarik buah merah strawberi

## Nasi Minyak Strawberi

AIR TANGAN BONDA  
DATIN SERI SHAMSIAH

### BAHAN-BAHAN

Beras basmathi  
Bawang merah dihiris  
Bunga lawang  
Buah pelaga  
Buah strawberi  
Kulit kayu manis  
Susu cair  
Air



Garam  
Serbuk perasa  
Minyak sapi

### CARA PENYEDIAAN

- Rendam beras basmathi selama lebih kurang satu jam.
- Panaskan minyak sapi ke dalam periuk.
- Tumiskan bawang merah, kulit kayu manis, bunga lawang dan buah pelaga.
- Basuh strawberi hingga bersih dan kisarkan.
- Masukkan susu cair dan

strawberi yang telah dikisar. kacau sehingga sebati.

- Kemudian, masukkan beras basmathi yang telah direndam, garam dan serbuk perasa secukupnya.
- Biarkan beras sehingga kering.
- Seterusnya, masukkan semua bahan tumisan ke dalam periuk berisi beras. Masak nasi seperti biasa.
- Nasi minyak sedia untuk dihidang. Hiaskan bersama bawang goreng, kismis dan gajus.

## Ayam Panggang Sos Strawberi



CHEF HASNA

### BAHAN AYAM PANGGANG

1 ekor ayam

### BAHAN REMPAH

2 biji bawang merah besar  
4 ulas bawang putih  
Minyak zaitun  
Halia  
Serbuk perasa  
Sos lada hitam  
Sos tiram

Serbuk lada hitam  
Madu

### BAHAN SOS STRAWBERI

2 cawan buah strawberi  
3 sudu gula pasir  
1/2 sudu kecil tepung jagung

### CARA PENYEDIAAN

#### AYAM PANGGANG

- Campurkan semua bahan rempah dan lumurkan pada ayam .
- Perakat seketika supaya bahan rempah meresap ke dalam isi.

3. Panaskan ketuhar pada suhu 200 celcius. Bakar ayam selama 1 jam 30 minit atau hingga ayam masak sepenuhnya.

- Apabila ayam sudah dibakar, taburkan mix herbs selepas ayam masak jika perlu.

#### SOS STRAWBERI

- Bersihkan buah strawberi dan potong kecil.
- Masukkan semua buah strawberi bersama gula ke dalam periuk kecil.
- Kemudian, masukkan

tepung jagung dan gaul rata kesemua bahan tersebut.

- Masukkan buah strawberi di atas periuk panas sehingga ia hancur.
- Sentiasa kacau buah strawberi dengan menggunakan api kecil supaya buah strawberi dan gula tidak menjadi hangit.
- Bila buah strawberi sudah mencair, tutup api dan hidangkan bersama ayam panggang yang telah disiap masak.



SABRINA SABRE

**B**UAH strawberi yang merah runum itu memang cukup sedap dimakan begitu sahaja. Keenakan jem strawberi sesuai sangat dimakan dengan roti atau pastri yang lain.

Buahan yang kaya vitamin dan tinggi kandungan antioksidannya juga memang gerenti sedap apabila dibuat kek dan pastri.

Wilayahku edisi kali ini kongsikan kepada anda sajian pencuci mulut kek dan pastri untuk dicuba. Selamat mencuba! **WK**

## Menu dessert strawberi menggiurkan Strawberry Trifle

### BAHAN KEK

150 gram tepung kek  
150 gram mentega  
150 gram gula kastor  
3 biji telur  
1 sudu teh serbuk penaik

### BAHAN UNTUK MELAPIS TRIFLE

3-4 biji strawberi dipotong  
300 ml krim putar dipukul hingga kembang

### CARA PENYEDIAAN

1. Satukan tepung kek dengan serbuk penaik dan ketepikan.

- Pukul telur dan mentega hingga kembang kemudian masukkan adunan tepung tadi. Gaul sebati.
- Tuang adunan di dalam loyang 10x10 inci dan bakar pada suhu 180°C selama lebih kurang 20-25 minit hingga masak.

- Sejukkan dahulu dan potong kek mengikut saiz

bekas yang digunakan untuk menghidang.

- Letakkan lapisan kek pada dasar bekas, susun strawberi dan picitkan krim putar yang sudah dipukul kembang tadi di bahagian atasnya.

- Hiaskan dengan potongan strawberi. Sejukkan di dalam peti sejuk sebelum dihidangkan.

- Keluarkan dan sedia untuk dinikmati.



## Strawberry & Chocolate Cream Cheese Napoleon



### BAHAN-BAHAN

500 gram doh puff pastri  
1 biji telur  
7-8 biji buah strawberi

### BAHAN KRIM KEJU COKLAT

50 gm gula ising  
20 gm serbuk koko  
225 gm krim keju  
½ sudu esen vanila

### CARA PENYEDIAAN

- Canai nipis doh puff pastri dan potong mengikut saiz petak kecil.
- Bakar dengan suhu 200°C selama lebih kurang 25-20 minit hingga perang. Biarkan sejuk seketika.
- Pukul gula ising dan krim keju hingga sebati, masukkan serbuk koko dan esen vanila.
- Pukul lagi hingga kembang.

- Potong buah strawberi. Picitkan sedikit krim keju coklat di atas satu kepingan puff pastri yang sudah dibakar tadi. Susunkan buah strawberi dan lapiskan dengan satu lagi kepingan puff pastri. Picit lagi krim keju coklat dan hias dengan sedikit hirisn strawberi.
- Sedia untuk dihidangkan.

# Jom layan empat filem Bollywood di Netflix



DIANA AMIR

**K**UCH Kuch Hota Hai, Mohabbatein, Kaho Naa Pyaar Hai dan banyak lagi antara filem Bollywood yang kita sering tonton sejak dahulu lagi.

Sebelum masuknya industri K-pop di negara kita ini, penulis yakin semuanya pasti layan filem-filem Bollywood.

Kali ini, Wilayahku kongsikan antara empat filem Bollywood yang boleh anda tonton pada hujung minggu ini di Netflix. **WK**

## #2 Mimi

Pengarah: Laxman Utekar  
Pelakon: Kriti Sanon, Pankaj Tripathi

**MENGISAHKAN** seorang wanita bernama Mimi yang sanggup menjadi ibu tumpangan kepada pasangan suami isteri daripada Amerika Syarikat, John dan Summer.

Bhanu yang merupakan seorang pemandu teksi merupakan orang yang bertanggungjawab memperkenalkan Mimi kepada John dan Summer.

Mimi bercita-cita ingin menjadi

## #1 Haseen Dillruba

Pengarah: Vinil Mathew  
Pelakon: Taapsee Pannu, Vikrant Massey, Harshvardhan Rane

**MENGGABUNGKAN** elemen romantik, *thriller* dan misteri dalam satu naskah, filem ini mengisahkan pasangan suami isteri iaitu Rani dan Rishu yang berkahwin disebabkan percaturan keluarga.

Namun perkahwinan tersebut tidak seindah dipertontonkan apabila si isteri mula jatuh cinta terhadap sepupu suaminya, Neel.

Plot bertukar menjadi misteri apabila rumah mereka tiba-tiba meletup. Yang ditemui 'selamat' hanyalah sebelah tangan Rishu yang bertatukan nama 'Rani'.

Sejak kejadian tersebut, persoalan demi persoalan tercusus bagi mencari pembunuh dan dalang di sebalik kejadian tersebut. Rasai sendiri debaran filem ini di Netflix.



## #3 Chhota Bheem Movies

Pengarah: Rajiv Chilaka, Binayak Das  
Pelakon: Jigna Bhardwaj, Rupa Bhimani

**SIRI** animasi India ini mengisahkan seorang kanak-kanak lelaki bernama Bheem bersama rakan-rakannya di kerajaan fiksi Dholakpur. Dalam siri ini mereka terlibat dalam melindungi Raja (Hindi untuk Raja) Indravarma dari Dholakpur untuk menyelamatkan kerajaan dari berbagai kuasa jahat.

Bagi yang belum pernah menonton animasi India ini dan merupakan penggemar animasi boleh cuba menonton filem ini di Netflix.



## #4 Tribhanga

Pengarah: Renuka Shahane  
Pelakon: Kajol, Mithila Palkar, Tanvi Azmi

**FILEM** ini mengikuti perjalanan tiga generasi wanita dari satu keluarga iaitu Nayan, Anu dan Masya.

Ketiga-tiga wanita itu diseksa oleh lelaki dalam hidup mereka atau telah menghadapi masalah tertentu disebabkan satu sama lain. Masha,

anak perempuan Anu, mendedahkan bagaimana, walaupun sifat ibunya yang terlalu melindungi, dia dibuli di sekolah kerana reputasi Anu.

Seperi yang dibincangkan beberapa kali dalam filem ini, Anu juga terlalu menyendiri dengan ibunya yang kini koma atas sebab sama. Pada akhirnya, semua tiga wanita belajar mengenai kepentingan mereka dalam hidup masing-masing.



# Memilih 'topeng' yang selamat dan selesa

Oleh NINA MUSLIM

**K**ETIKA negara mengharungi asakan varian Delta pada tahun lepas yang menyaksikan jangkitan baharu COVID-19 melebihi 10,000 kes hampir setiap hari, sesetengah ahli masyarakat mula memakai respirator, bukan lagi pelitup muka perubatan biasa.

Nana, 45, antara yang berbuat demikian, dan ketika ditanya Bernama faktor yang menyebabkannya beralih kepada respirator, wanita itu menjawab dia mahukan perlindungan yang lebih baik selain pemakaian tidak renyah.

Respirator pilihan wanita itu ialah KF94 keluaran Korea Selatan, iaitu dalam kategori sama dengan N95. Pasaran turut menawarkan respirator KN95 dari China dan FFP2 yang berdasarkan piawaian Eropah.

"Pakai respirator ni mudah, saya tak perlu lagi susah-susah nak pakai dua lapis pelitup muka setiap kali hendak keluar rumah. Selain itu, ibu saya juga penghidap kanser. Saya tak mahu dia dijangkiti COVID-19 yang dibawa pulang oleh saya," jelasnya kepada Bernama.

Kini, tatkala ledakan Delta memperlukan dan varian Omicron yang lebih mudah berjangkit pula muncul, Nana yakin keputusannya memakai respirator itu adalah yang terbaik bagi melindungi keluarganya yang kesemuanya telah lengkap divaksinasi.

Polemik pelitup muka dalam kalangan pekerja penjagaan kesihatan dan pihak berkuasa berkaitan di Amerika Syarikat dan Eropah, memperkuat keyakinan Nana, masing-masing menyarankan pemakaian pelitup muka berkualiti tinggi bagi mengekang jangkitan Omicron yang semakin mengganas di benua terbatik.

Malaysia bagaimanapun tidak menuruti langkah negara berkenaan. Garis panduan pemakaian pelitup muka yang diguna pakai sejak 23 Ogos tahun lepas tidak dikemas kini. Saranan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah agar orang ramai memakai pelitup muka berganda - pelitup muka perubatan dan pelitup muka fabrik berserta pelindung muka masih terpakai.

Pakar perubatan yang dihubungi Bernama juga berpandangan tidak ada keperluan untuk orang ramai beralih memakai respirator.

## PENCEGAHAN

SELAIN menyifatkan respirator mungkin terlalu mahal bagi kebanyakan ahli masyarakat, pakar juga melihat pemakaian pelitup muka perubatan tiga lapis secara betul sudah memadai, termasuk untuk mencegah jangkitan Omicron, asalkan pelitup muka tersebut memenuhi keperluan minimum piawaian.

Pakar Perunding Pulmonologi Dr Wong Chee Kuan berkata ini kerana rata-rata penduduk di Malaysia berpelitup muka apabila keluar rumah.

"Masalahnya ialah di luar negara, mereka tidak mengamalkan pemakaian pelitup muka. Hal ini meningkatkan jangkitan dalam komuniti mereka. Malaysia pula kuat kuasakan arahan, iaitu kita mesti memakai pelitup muka apabila mahu ke tempat awam," katanya.

Pelitup muka N95 merupakan respirator berstandard premium, menjanjikan penapisan kira-kira 95 peratus zarah di udara seperti debu, kabus dan asap. Menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat (CDC), pemakaian N95 menghalang kemasukan zarah sekecil 0.3 mikron dan titisan. Selain itu, N95 juga



**KESEDARAN** orang ramai mula timbul apabila memilih untuk memakai respirator ketika berada di tempat awam.

mempunyai mekanisme elektrostatik yang berfungsi memerangkap zarah bercas dan tidak bercas.

Perlindungan serupa atau hampir sama turut ditawarkan oleh KN95, KF94 dan FFP2 - ini jauh lebih baik berbanding pelitup muka biasa.

Pemakaian pelitup muka, walaupun sehelai, dapat mengurangkan peluang penyebaran virus korona kerana perlindungan yang diberikan meliputi individu lain dan juga si pemakai. Menurut pakar, paling penting adalah cara pemakaian yang betul.

"Pemakaian KN95 atau N95 akan memberikan perlindungan yang lebih kepada si pemakai, terutama dalam mendepani ancaman Omicron yang sangat mudah berjangkit. Bagaimanapun, perkara yang paling penting adalah pelitup muka dipakai dengan betul," kata Prof Madya Dr Rafdzah Ahmad Zaki, pakar perubatan kesihatan awam di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Ringkasnya, apa juga jenis pelitup muka yang dipakai, pastikan sebarang ruang di antara pelitup dan muka si pemakai bertutup serapat mungkin.

"Ramai yang sudah mula memakai N95 atau KF94, malah sebelum kewujudan Omicron lagi, namun perlu diingat, kesemua pelitup muka ini perlu dipakai secara kemas. Jika terlalu longgar, tak ada gunanya pakai pelitup muka," kata Dr Wong.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Prof Dr Victor Hoe yang menguji N95 untuk petugas penjagaan kesihatan di PPUM, berkata sukar untuk memakai pelitup muka dengan kemas kerana alat itu amnya dikeluarkan hanya dalam satu saiz.

Pada masa sama, di sebalik janji perlindungan unggul terhadap zarah bawaan udara, pemakaian respirator juga tidak akan mencapai matlamat jika si pemakai menanggalkan alat itu ketika berbual atau bernafas.

"Kerana itulah saya tidak menyarankan orang ramai memakai pelitup muka jenis ini. Alat ini menyukarkan pernafasan dan percakapan. Sebab itu kami dapat ramai yang membuka pelitup muka mereka apabila bercakap," katanya.

Bagaimanapun beliau menyokong penggunaan pelitup muka jenis itu dalam keadaan tertentu seperti ketika berada di dalam ruang tertutup bersama-sama orang lain yang status vaksinasinya tidak diketahui,

**“**Pemakaian pelitup muka, walaupun sehelai, dapat mengurangkan peluang penyebaran virus korona kerana perlindungan yang diberikan meliputi individu lain dan juga si pemakai. Menurut pakar, paling penting adalah cara pemakaian yang betul.

terdedah secara langsung kepada pesakit yang disahkan telah dijangkiti. Selagi pelitup muka itu terletak dengan elok di muka dan dipakai dengan betul, maka sudah memadai," kata Dr Wong kepada Bernama menerusi WhatsApp.

Ada beberapa ujian yang boleh dilakukan oleh orang ramai untuk memastikan keberkesanannya pelitup muka mereka, antaranya menguji dengan nyalaan api (cuba padamkan nyalaan api dengan menghembus dari jarak 30 cm), hidu bau (cuba kesan bau pemanis tiruan seperti Sweet and Low), dan ujian cahaya (regangkan pelitup muka di hadapan cahaya yang terang dan cuba lihat menerusinya).

Jika kesemuanya berjaya dilakukan, bermakna pelitup muka itu tidak dapat melindungi anda, kata penyelidik di Stanford University School of Medicine yang bekerja dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia dalam membangunkan piawaian pelitup muka.

Pelitup muka fabrik pula amnya tidak berkesan kerana mempunyai kemampuan menapis yang sangat rendah. Bagaimanapun, pakar berkata jika digandingkan bersama pelitup muka perubatan, pemakaianya berkesan kerana ruang yang terbuka pada sisi muka akan bertutup rapat.

Menurut Dr Rafdzah, pelitup muka pembedahan tidak boleh menapis zarah yang lebih kecil daripada bakteria, jika semua orang yang berada di kawasan awam memakai pelitup muka pembedahan atau fabrik, ini sudah memadai untuk mencegah penularan virus di kawasan itu, sekali gus mengurangkan peluang jangkitan.

Di sebalik jaminan yang diberikan oleh pakar terbabit, Nana tidak berhasrat untuk kembali memakai pelitup muka pembedahan dalam masa terdekat.

"Selain menjaga ibu yang menghidap kanser, saya juga ada seorang anak lelaki dan saya tidak mahu perkara buruk berlaku padanya," kata wanita itu. — BERNAMA



**KEPUTUSAN** memakai respirator tatkala ledakan Delta memperlukan dan varian Omicron muncul adalah yang terbaik bagi melindungi keluarga yang sudah lengkap divaksinasi.

Program Jualan Keluarga Malaysia

# Warga Labuan minta diteruskan



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**W**ARGA Labuan yang sempat ditemui menyambut baik pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di wilayah itu.

Menurut **Roslan Kario**, 65, program itu perlu diteruskan dari masa ke masa kerana banyak barang keperluan boleh dibeli dengan harga yang lebih murah.

"Program ini perlu diteruskan lagi kerana ia membantu rakyat untuk berjimat semasa berbelanja barang keperluan kerana kebanyakannya harga barang kini meningkat dengan ketara."

"Saya juga berharap kerajaan memandang serius isu kenaikan harga barang seperti telur ayam

dan barang dapur yang lain agar tidak membebani para pengguna," katanya yang ditemui pada program itu di salah sebuah pasar raya di sini, baru-baru ini.

Bagi Mohd Shahrum Suhaili, 37, PJKM amat baik untuk membantu meringankan beban rakyat di pulau itu.

"Program ini bagus untuk rakyat kerana menyediakan barang pada harga yang berpatutan, sebaiknya program ini diteruskan untuk meringankan beban rakyat dalam mendapatkan barang keperluan harian," katanya.

Alina Mohd Shah, 53, pula mencadangkan agar barang-barangan basah turut ditambah pada pelaksanaan program itu di masa hadapan.

"Saya dapat harga barang basah turut mengalami peningkatan, saya mencadangkan agar barang basah juga ditambah dalam senarai barang yang terlibat dengan



RATA-RATA orang ramai mengambil peluang berbelanja barang keperluan sempena PJKM.

program ini.

"Program ini wajar diteruskan bagi mengimbangi kenaikan harga barang yang berlaku dari masa

ke masa," jelasnya.

Bagi seorang penjaga kecil, Sofia Maruni, 34, menyokong program itu yang boleh membantu para

penjaga kecil sepertinya.

"Program ini membantu penjaga kecil untuk mengurangkan kos perniagaan yang meningkat ekoran harga barang semakin mahal."

"Rasa serba salah kalau kami naikkan harga makanan kepada pelanggan, oleh itu saya harap barang seperti tepung, bawang, gula dan ayam akan terus dimasukkan dalam program ini di masa depan," kongsinya.

PJKM diadakan sebagai inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutamanya pengguna dari kalan-

gan berpendapatan rendah.

PJKM menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barang keperluan harian seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras serta barangan proses dengan harga sehingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat. **WK**

## IOW JaPen Labuan Guna Kaedah Serampang Dua Mata

**INFO On Wheels** (IOW) Jabatan Penerangan (JaPen) Labuan dijalankan dengan menggunakan pakai kaedah serampang dua mata.

Pengarhnya, **Ab Rasil Hajatil** berkata, pendekatan tersebut adalah hebahan secara terus dan membuat 'engagement' dengan masyarakat di lapangan.

"Hebahan mengenai maklumat atau isu-isu terkini agar masyarakat mendapat gambaran yang lebih jelas terhadap isu-isu semasa khususnya mengenai COVID-19 kerana kerjasama masyarakat dalam usaha mengelakkan penularan yang lebih serius di pulau ini amat diperlukan."

"Selain itu 'engagement' dengan masyarakat di lokasi-lokasi

tumpuan juga dibuat dengan harapan masyarakat merasai kehadiran JaPen dalam menyampaikan maklumat serta dapat menyelami permasalahan yang perlu diselesaikan oleh pihak kerajaan," katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Tambahnya, IOW turut membuat edaran bahan-bahan penerbitan terutamanya terbitan JaPen berkaitan isu-isu serta inisiatif pihak kerajaan.

"Edaran bahan penerbitan ini berkaitan juga dengan isu-isu semasa seperti persediaan yang perlu dilakukan semasa menghadapi bencana seperti banjir."

"Kita akan sentiasa mencari alternatif terbaik dalam usaha menyampaikan maklumat secara terus kepada masyarakat di Labuan," ka-

tanya lagi.

Sementara itu, Penolong Pegawai Penerangan, Roseemyzal Nordin berkata, masyarakat tempatan dilihat menerima baik pendekatan IOW JaPen Labuan.

"Sepanjang kami menjalankan pertugasannya, masyarakat Labuan menerima pendekatan IOW dengan baik, kehadiran JaPen dalam masyarakat dapat dirasai terutama dalam usaha menyampaikan maklumat berkaitan isu nasional dan tempatan."

"Kami juga berharap usaha ini boleh mendidik masyarakat agar menerima maklumat yang sah dan tidak mempercayai sebarang berita yang tidak sah serta mengelirukan," tambahnya. **WK**



KAKITANGAN JaPen mengedarkan risalah mengenai amalan kendiri 3W kepada orang awam di sekitar Labuan, baru-baru ini.

## Hari Kesedaran Kanser Servik, 100 wanita di Labuan terima baucar saringan



SITI Zailah (tengah) menyampaikan replika cek bantuan baucar saringan mamogram kepada Fauziah (empat dari kiri) Pengurus Persatuan Wanita Labuan (HAWA).

SERAMAI 100 wanita mewakili beberapa Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sini, menerima sumbangan baucar saringan Mamogram Dan Ujian HPV DNA daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sempena Hari Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Servik, baru-baru ini.

Timbalan Menterinya, **Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff** berkata, sejumlah RM11.5 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi kesihatan wanita untuk pelaksanaan saringan awal kanser payudara dan kanser servik dalam kalangan wanita.

"Sesungguhnya saya amat berharap agar inisiatif kerajaan ini dapat dimanfaatkan oleh kaum wanita di Wilayah Persekutuan Labuan."

"Diharapkan juga dengan sumbangan ini, usaha pembangunan wanita akan tercapai selari dengan strategi bagi membangun sebuah Keluarga Malaysia seperti yang diinspirasikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada majlis penyerahan baucar saringan mamogram dan ujian HPV DNA sempena sambutan bulan kesedaran kanser servik 2022, di Tunas Hijau, pada Isnin lalu.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Reproduksi Manusia LPPKN Dr Azizuddin Mohd Yussof, Pengarah LPPKN Sabah Dennis Chai dan Pengarah Jabatan Kebajikan dan Masyarakat (JKM) Labuan Ansharey Matarsad.

Mengulas lanjut, beliau berkata kerementeriannya melalui LPPKN telah

mengambil beberapa langkah pendekatan agar menarik lebih ramai wanita untuk melaksanakan ujian mamogram.

Katanya, LPPKN akan menyediakan kemudahan pengangkutan dari Klinik Nur Sejahtera atau pusat komuniti ke pusat-pusat mamogram dan bantuan eluan makan sejumlah RM10.00 kepada mereka yang menjalani ujian mamogram.

"Bantuan kemudahan penginapan turut diberikan sebanyak RM110 sehari kepada mereka yang tidak dapat menyelesaikan urusan mamogram pada hari yang sama."

"Saya sentiasa menyokong, menggalakkan dan menyeru semua wanita khususnya kaum wanita di Wilayah Persekutuan Labuan untuk mengikuti program-program yang disediakan oleh kerajaan bagi kemajuan diri dan keluaraga," katanya lagi. **WK**

# UAMK teroka teknik perniagaan menerusi Kelas Pemasaran Digital



HAZIRAH HALIM

**P**ENULARAN wabak COVID-19 dan pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak tahun 2020 lalu telah menyebabkan berlakunya cetusan pasaran baharu melalui e-dagang dalam kalangan usahawan tempatan.

Ia juga menyebabkan beberapa aktiviti ekonomi lumpuh sejurus pengumuman penutupan kesemua sektor perindustrian, perdagangan dan lain-lain sehingga mendorong ramai peniaga meneroka strategi baharu untuk mengembang dan mempromosikan perniagaan mereka.

Rata-ratanya mengambil peluang cerah ini untuk mempelajari dan menguasai perniagaan atas talian dengan menjadikan laman media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *TikTok* dan *Twitter* sebagai platform permulaan dan perkenalan bisnes kepada orang ramai.

Perkara ini disokong oleh salah seorang peniaga Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) **Rosmalina Md Nor**, 36, yang mengakui penguasaan kemahiran perniagaan atas talian amat penting untuk menyebar luaskan bisnes kepada orang ramai terutama semenjak PKP



COACH Zul memberi penerangan tentang strategi perniagaan atas talian menerusi aplikasi Zoom dan bersemuka.

dilaksanakan tempoh lalu.

“Di musim pandemik ini, peniaga tidak tahu apa yang akan berlaku kelak sekiranya kita (peniaga) masih meneruskan strategi perniagaan yang sama iaitu secara langsung atau bersemuka.

“Kini, semua terletak di hujung jari dan pendigitan telah menguasai kita. Oleh itu, perniagaan *online* sangat penting kerana ia dapat meluaskan bisnes bahkan membantu saya menjual barang kepada orang di luar negeri juga,” jelasnya yang sudah 10 tahun terlibat dalam keusahawanan.

Katanya, untuk menguasai perniagaan atas talian, dia

telah mengikuti kelas pemasaran digital selama empat hari bersama iQP Solutions di bawah kendalian Coach Zul.

“Saya telah mengikuti *Digital Marketing Class* untuk menambah ilmu dan pengetahuan baharu di samping mengukuhkan pemahaman dan strategi mengenai perniagaan *online*.

“Penerangan yang diberikan semasa kelas ini berlangsung sangat jelas dan menepati setiap keutamaan perniagaan *online* yang usahawan

**“Rata-ratanya mengambil peluang cerah ini untuk mempelajari dan menguasai perniagaan atas talian dengan menjadikan laman media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok dan Twitter sebagai platform permulaan dan perkenalan bisnes kepada orang ramai.**

perlu lakukan. Sudah pasti saya akan mempraktikkan setiap yang dipelajari untuk memantapkan lagi bisnes.

“Syukur alhamdulillah, saya diberi peluang untuk mempelajari sesuatu baharu antaranya cara bermiaga di *Facebook* dan *Instagram*, teknik menyunting gambar, menghasilkan ayat kreatif untuk menarik perhatian pelanggan, membuat jualan di platform Shopee dengan betul serta melakukan *live* di beberapa laman media sosial lain,”

kongsi peniaga yang menjual barang seperti telekung, produk kecantikan dan kesihatan.

Sementara itu, **Aziah Ibrahim**, 60, berkata, kelas pemasaran ini disampaikan dengan jelas sekali gus memberi peluang kepada dan rakan-rakan untuk bertanya soalan dan mendapatkan jawapan secara terus kepada pengajar.

“Sudah tentu jelas. Kami dapat terus bertanya soalan dan mendapat jawapan di situ daripada coach sekiranya kurang memahami.

“Paling seronok apabila kami dapat belajar membuat *live* di Shopee kerana sebelum ini saya agak kekok untuk bercakap dihadapan kamera apatah lagi mengetahui bagaimana cara untuk melakukannya,” katanya.

Dalam pada itu, Aziah turut berkongsi pandangan kelas ini sememangnya wajar dilakukan kepada usahawan terutama peniaga yang sudah berumur untuk mendapat bimbingan dan pengetahuan luas mengenai perniagaan ini.

Terdahulu, kelas pemasaran digital secara percuma di bawah kendalian iQP Solutions dijalankan selama empat hari bermula 7 Januari hingga 10 Januari lalu bermula 10.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari.

Kelas ini diadakan untuk mendedahkan tentang penguasaan strategi dan teknik perniagaan atas talian menerusi media sosial kepada peniaga-peniaga yang terlibat dalam Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. **W.K**



AZIAH menjual beberapa barang seperti telekung, produk kecantikan dan kesihatan di Bazar Kreatif Usahawan Anak Muda Kota.



PESERTA sedang mengikuti Kelas Pemasaran Digital secara bersemuka.

# Pertandingan *TikTok*, bendera meriahkan Putrajaya



AINI MAWAWI

**B**ERSEMPENA sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada Februari depan, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan dua pertandingan iaitu *TikTok* dan kibar bendera yang menawarkan hadiah lumayan kepada warga Putrajaya yang ingin mengambil bahagian.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan Perbadanan Putrajaya (PPj), **Siti Fadilah Ramli** objektif utama kedua-dua pertandingan tersebut untuk melahirkan rasa cinta warga Putrajaya terhadap wilayah itu.

"Penganjuran ini diharapkan



SITI FADILAH

agar mereka lebih merasakan Putrajaya dekat di hati selain memaklumkan tentang sambutan Hari Wilayah yang disambut saban tahun pada bulan Februari," ujarnya.

Mengulas lanjut tentang pertandingan *TikTok*, Siti Fadilah berkata pertandingan yang bermula 15 Januari dan berakhir pada 15 Februari itu mestilah menggunakan tanda pagar #OurCity OurHome.

"Dalam video yang tidak melebihi 120 saat tersebut, peserta mestilah memastikan video yang dihasilkan berlatarbelakangkan Putrajaya serta menceritakan tentang pusat pentadbiran kerajaan tersebut."

"Biarpun *TikTok* biasanya lebih disukai oleh golongan muda namun untuk pertandingan ini, tiada had umur yang ditetapkan

melandainkan mereka mestilah warga Putrajaya," ujarnya.

Tambahnya lagi, peserta dialu-alukan untuk merebut hadiah bernilai sehingga RM4,000 sementara pendaftaran pula boleh dilakukan melalui pautan di <https://tinyurl.com/tiktokputrajaya2020>.

Selain itu, bagi pertandingan kibar bendera pula, terdapat dua kategori yang dipertandingkan iaitu di peringkat Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya dan persatuan penduduk.

"Bagi MPPWP, ia terbahagi kepada enam sub zon yang mana mereka perlu mencalonkan dua tempat untuk dijurikan. Jumlah tempat adalah 12 dan kita terpaksa hadkan kepada 20 penyertaan terawal kerana terlalu ramai.

"Kita juga telah mengedarkan sebanyak 950 helai bendera kepada MPPWP manakala 60 helai kepada persatuan penduduk. Mereka akan mendekorasi bendera



SITI FADILAH menyerahkan bendera kepada wakil MPPWP dan persatuan penduduk.



PENDUDUK mula menghiasi kawasan perumahan dengan bendera Wilayah Persekutuan.

bermula 15 Januari hingga 15 Februari manakala sesi penjurian pula bermula 17 Februari hingga 22 Februari," ujarnya yang berkata

pihaknya menerima penyertaan yang amat menggalakkan sekali gus penyertaan kibar bendera sudah pun ditutup. **WK**

## Warga Wilayah Persekutuan luah rasa bangga

**BERSEMPENA** Hari Wilayah Persekutuan yang bakal disambut pada 1 Februari ini, rata-rata warganya melahirkan rasa teruja untuk mengibarkan bendera wilayah bagi menyemarakkan semangat cintakan Wilayah Persekutuan.

Tinjauan Wilayahku mendapati jalan-jalan utama di sekitar pusat pentadbiran itu diwarnai dengan bendera yang berwarna kuning, biru dan merah.

Di Putrajaya misalnya, 426 helai bendera di pasang di jalan-jalan utama antaranya di Persiaran SAAS, Persiaran Perdana, Lebuh Sentosa dan Lebuh Perdana Barat.

Selain itu, sebanyak 11,300 helai bendera pula diserahkan kepada bahagian komuniti pada tahun ini untuk mereka mengibarkannya.

Menurut salah seorang warga Putrajaya, Ruhaya Abd Hamid, dia tidak melepaskan peluang untuk meraikan Hari Wilayah dengan turut menggantung bendera



RUHAYA



NAZIRUL



ELIEY

di kediamannya yang terletak di Presint 3.

"Setiap kali tibanya hari tersebut saya akan mendekorasi bendera di kediamaan selain meletakkannya di kenderaan. Semangat tersebut berkobar-kobar memandangkan saya sudah lama menetap di sini.

"Biarpun kita berada dalam pandemik COVID-19 namun itu bukanlah menjadi penghalang untuk kita tidak meraikannya lebih-lebih lagi Putrajaya boleh dianggap rumah

kedua saya," ujar anak jati Kelantan ini.

Sementara itu, menurut Nazirul Mohd pula, jika sebelum pandemik dia sering meluangkan masa menyambut Hari wilayah yang diadakan pada 1 Februari.

"Banyak acara menarik sepanjang bulan Februari yang saya ikuti antaranya program kenduri rakyat sekali gus melihat kemeriahannya sepanjang program tersebut yang sarat dengan pengisian menarik," ujarnya.

Tidak ketinggalan menzahirkan rasa syukur kerana berada di Kuala Lumpur, Eliey Sahad berkata dia tidak terfikir untuk berhijrah ke



426 helai bendera telah dipasang di jalan-jalan utama di Putrajaya.

negeri lain memandangkan semua yang dicari ada disini.

"Saya memang sukakan suasana bandar besar kerana semua yang kita perlukan mudah untuk didapat daripada segi bisnes, kehidupan dan sebagainya semuanya ada di depan mata," ujarnya.

Turut mengakui perkara yang

sama, anak kelahiran Pahang, Norasikin Hassan juga bersyukur kerana berpeluang mencari rezeki di bumi bertuah tersebut.

"Dari zaman remaja saya berada Kuala Lumpur malah saya juga turut membeli rumah disini dan tidak terfikir untuk berhijrah ke tempat lain kerana sudah begitu selesa," ujarnya.



**TALIAN KHIDMAT PELANGGAN**  
PERBADANAN PUTRAJAYA

Talian Utama  
**03 8887 7000**

Talian Aduan  
**03 8887 3000**

Putrajaya Command Centre (PCC)  
24 Jam (Kecemasan sahaja)  
**03 8887 7999**

E-mail PPj  
**ppjonline@ppj.gov.my**

Aduan Online  
**ppj.spab.gov.my**





## Majlis Pecah Tanah Ibu Pejabat FAM

# Mengilap bakat 'ubi muda'

**P**EMBANGUNAN sistematis bermula daripada peringkat akar umbi antara 'kunci' kejayaan dalam usaha memastikan bola sepak negara berada pada membanggakan.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pembangunan bola sepak bukan hanya merangkumi infrastruktur canggih dan moden semata-mata namun perlu menitik berat usaha menggilap bakat 'ubi muda' sehingga menjadi aset terbaik negara.

Beliau berkata, pembangunan akar umbi yang mantap dan berkesan memerlukan semangat profesionalisme tinggi terutama membabitkan organisasi dan individu untuk membuat perancangan rapi.

"Pembangunan akar umbi yang mantap dan berkesan memerlukan semangat profesionalisme yang tinggi.

"Sikap profesional menuntut sesebuah organisasi dan juga individu untuk membuat perancangan yang rapi. Gagal untuk merancang adalah



merancang untuk gagal," katanya ketika berucap di Majlis Pecah Tanah Ibu Pejabat Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) di Presint 5 Putrajaya pada Isnin.

Hadir sama Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Presiden FAM, Datuk Hamidin Mohd Amin.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, seorang pemain bola sepak yang berbakat perlu dibimbing oleh jurulatih terbaik dari usia muda, manakala jurulatih pula harus mendapat tunjuk ajar daripada instruktur atau jurulatih pakar.

Menurutnya, dengan kemahiran teknikal yang dimiliki hasil daripada bimbingan jurulatih yang hebat,

ia sekali gus meningkatkan kebolehpasaran pemain bukan sahaja di liga tempatan malah ke peringkat antarabangsa.

"Contohnya pasukan Chelsea atau The Blues yang berpangkalan di Stamford Bridge, England. Ekosistem pasukan Liga Perdana Inggeris ini cukup lengkap.

"Akademi mereka mengendalikan pasukan yang dianggotai pemain semuda sembilan hingga 23 tahun satu ekosistem yang menuntut pembabitan jurulatih, pengurusan kelab dan sokongan ibu bapa," katanya.

Ismail Sabri berkata, kelab-kelab bola sepak tempatan harus mencontohi Chelsea yang pada masa sama turut membangunkan daya kebolehpasaran serta kualiti pemain mereka.

Turut menggunakan Vietnam sebagai contoh, katanya, pada

2006, pasukan itu menduduki ranking 172 dan kini mereka menjadi satu-satunya pasukan dari Asia Tenggara yang berjaya mara ke pusingan akhir kelayakan Piala Dunia 2022.

"Apa yang membezakan Malaysia dan Vietnam?

Jawapannya adalah pembangunan bola sepak di peringkat awal.

"Kunci kepada peningkatan prestasi pasukan Vietnam ialah Akademi Hoang Anh Gia Lai yang menjalankan kerjasama dengan pasukan Arsenal, sekolah bola sepak Perancis JMG Academy dan sokongan konglomerat Vietnam," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, tapak ibu pejabat ketiga FAM seluas 2.4 hektar itu akan dijadikan sebagai Pusat Latihan Kebangsaan FAM serta pelbagai fasiliti yang mampu menampung program bola sepak di peringkat akar umbi sehingga kebangsaan.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan turut menyumbang RM10 juta tahun ini kepada FAM bagi pembangunan bola sepak negara.



Kecederaan bukan halangan Siti Nur Nadia

# Fokus genggam emas SUKMA 2022

AINI MAWAWI

**B**IARPUN masih dalam rawatan fisioterapi akibat kecederaan di bahagian belakang namun atlet boling Wilayah Persekutuan, **Siti Nur Nadia Ismail** tetap menjalani latihan boling seperti biasa.

Menurut atlet berusia 23 tahun ini kepada *Wilayahku*, dia kembali beraksi pada Disember lalu setelah lebih sebulan berehat di rumah.

"Sebenarnya saya dah lama sakit di bahagian belakang cumanya November lalu baru betul-betul sakit sehingga saya terpaksa berhenti ketika sedang berlatih."

"Sakit ni saya dah alami dalam tempoh yang lama antara sebabnya kerana saya mengangkat beban yang berat dan tersalah cara ketika mengangkat bola boling," ujarnya.



Katanya lagi, biarpun dibenarkan berlatih semula namun dia tetap berhati-hati kerana bimbang kecederaan tersebut menjadi lebih teruk.

"Sekarang ni tumpuan saya adalah SUKMA selain pada bulan hadapan saya akan menyertai kejohanan Inter-State di Sunway Pyramid. Disebabkan itu-lah saya perlu menjalani latihan dengan konsisten."

"Sepanjang tahun ni banyak kejohanan yang akan diadakan jadi saya perlu bersedia untuk menempatkan diri ke tahap yang lebih baik."

"Saya betul-betul berharap agar virus COVID-19 ini segera berlalu kerana tak sanggup lagi berlurung di dalam rumah serta tidak dapat menjalani latihan seperti biasa," ujar pelajar tahun akhir di Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini.

Kongsinya sepanjang tempoh

## Pencapaian Siti Nur Nadia

2019 - Inter-State, Sunway Pyramid - Emas (beregu)

2019 - Karisma, UiTM Shah Alam - Emas (berpasukan)

2018 - Inter-State, Sunway Pyramid - Emas (beregu)

2018 - SUKMA Perak - Emas (trio) Gangsa (beregu dan berpasukan)



**SITI Nur Nadia fokus ketika melakukan balingan.**

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini, dia dan rakan-rakan berdepan dengan tekanan mental dan fizikal.

"Kami hanya berlatih dan melakukan aktiviti kecergasan di rumah yang tidak tahu betul atau tidak selain dalam masa yang sama kami juga tertekan sehingga memerlukan semangat motivasi

untuk bergerak semula.

"Mujurlah ramai yang memberikan sokongan kepada saya

untuk kembali aktif terutamanya keluarga tersayang yang tidak jemu berada di sisi," katanya. **W.K**

## Sukan motocross: Mampu cungkil pelapis pelumba negara

**PENYEDIAAN** lebih banyak litar serta kerjasama terancang dengan penganjur sukan motocross amat diperlukan dalam usaha melahirkan lebih ramai pelapis pelumba negara dalam sukan itu.

Pelumba negara **Khairul Afif Ghazali**, 26, berkata dua faktor tersebut berupaya memajukan sukan itu sekali gus berpotensi besar melahirkan lebih ramai pelumba di peringkat antarabangsa, termasuk dalam kelas MotoGP.

"Dulu kita ada Motocross Series di beberapa negeri namun terhenti kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kini ada penganjuran dan sirkit namun tidak banyak serta lebih bersifat kejohanan."

"Apabila lebih banyak litar diwujudkan, ia akan memberi peluang kepada pelumba untuk berlatih dan bersaing sekali gus melahirkan ramai pelumba negara," katanya ketika ditemui *Bernama* selepas menyertai kejohanan motocross Mok Cun Track Day 2022 di Felda Lawin Utara, kira-kira 85 kilometer dari Ipoh, baru-baru ini.

Khairul Afif berkata lebih banyak penganjuran perlumbaan perlu diadakan di setiap negeri bagi mewujudkan kelainan serta cabaran tersendiri kerana setiap perlumbaan akan memberi pengalaman berbeza kepada semua pelumba.

Beliau kini memberi fokus menyertai kejohanan motocross di seluruh negara mewakili pasukan Benchos Motosport Racing Team selain berjinak-jinak dalam sukan

SuperMoto yang turut mempunyai masa depan cerah bagi peminat sukan permotoran.

Dalam aksi di kejohanan Mok Cun Track Day 2022, Khairul Afif berjaya mendapat tempat ketiga keseluruhan dalam kategori Expert MX Open Final di belakang L. Darwin (Negeri Sembilan) dan Airil Zakaria (Johor).

Kira-kira 3,000 penonton disajikan dengan pelbagai aksi, stunt dan deruman motocross dari 600 pelumba seluruh negara termasuk dari Thailand yang bersaing dalam 14 kategori pada kejohanan dwitahunan itu.

Tumpuan turut terarah kepada seorang pelumba wanita mewakili Perak, Nor Shamira Nor Azahar, 27, yang memenangi kategori MX Women dari sembilan pelumba dan kemudiannya turut bersaing dalam kategori MX Novice bersama-sama pelumba lelaki namun gagal meraih tempat di podium.

"Saya menyertai sukan ini atas minat dan dorongan keluarga sejak berumur 12 tahun lagi dan dilatih ayah sendiri Nor Azahar Ismail yang juga seorang pelumba. Sukan ini memerlukan lebih banyak litar dan kejohanan untuk



**SUKAN** motocross berpotensi lahir lebih ramai pelumba profesional. **- BERNAMA**

## Skuad 'Malaysian Tigress' perlu kekal fokus di Muscat

**SKUAD** Projek Khas Wanita Kebangsaan perlu mengekalkan fokus pada tahap tertinggi pada Kejohanan Hoki Piala Asia Wanita 2022 di Muscat, Oman bermula 21 hingga 28 Januari ini, di sebalik ketidaktentuan penularan COVID-19 termasuk akibat ancaman varian Omicron.

Ketua Jurulatih negara, **Mohd Nasihin Nubli Ibrahim** berkata anak buahnya dinasihatkan supaya tidak terlalu memikirkan mengenai ancaman itu kerana bimbang ia mampu menjelaskan tumpuan mereka menjelang aksi pembukaan saingan Kumpulan A menentang juara bertahan India pada 22 Januari.

Menurutnya beliau percaya pihak penganjur telah mengambil pendekatan terbaik bagi mencegah penularan COVID-19 dengan pasukan negara akan menjalani ujian RT-PCR sejurus tiba di Muscat.

"Sampai sana pemain tidak perlu risau pasal benda (ancaman) itu walaupun mungkin ada beberapa pemain sedikit gusar dengan kes lalu, tapi kami barisan jurulatih selalu ingatkan mereka untuk hanya fokus pada kejohanan terutama aksi lawan India," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Skuad 'Malaysian Tigress' yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) petang semalam, selamat tiba di Muscat tengah hari tadi, demikian menurut hantaran Facebook rasmi Konfederasi Hoki Malaysia (KHM).

Sebagai rekod, pada Disember lepas Skuad Projek Khas Wanita Kebangsaan dilarang beraksi pada Kejohanan Trofi Juara-Juara Asia (ACT) 2021 di Donghae, Korea Selatan oleh Persekutuan Hoki Asia (AHF) susulan kes COVID-19 yang dilaporkan dalam pasukan negara.

Sementara itu, Mohd Nasihin berkata skuad bimbingannya masih mencari pasukan lawan untuk beraksi pada perlawanan ujian sebelum kejohanan bermula dengan China menjadi sasaran utama ketika ini.

Menurutnya pasukan China menjadi pilihan berikut perlawanan ujian menentang Korea Selatan pada esok tidak dapat dilangsungkan selepas pasukan lawan menukar perancangan.

"Kita rancang untuk bermain dengan China sebab dalam jadual latihan kita ada sesi latihan pada waktu petang yang sebelum itu pasukan China berlatih."

"Jadi kita betul-betul berharap mereka sudi berlawan dengan kita, dapat tiga suku permainan pun dah cukup untuk kita," katanya yang amat mengharapkan pasukan negara dapat beraksi sekurang-kurangnya satu aksi persahabatan sebelum memulakan kempen kejohanan.



**MOHD NASIHIN**